

# CREATE



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering - Technology - Creativity


September - Disember 2011

*Universiti Teknologi Pilihan Utama*



Perlunya ilmu sebagai  
persiapan menjadi  
**pemimpin**

ISSN 1823-7487



9 771823 748004

Graduan perlu  
bersedia berdepan  
globalisasi

**ICEWE 11'**



# Kandungan



**4** Graduan perlu bersedia berdepan globalisasi



**6** Perlunya ilmu sebagai persiapan menjadi pemimpin



Tengku Puan Pahang rasmi ICEWE 11'

**8**

	Sidang Editorial & Dari Meja Ketua Editor	<b>03</b>
<b>10</b>	1,500 pelajar memeriahkan Karnival TaHa@UMP	
	4 Datuk genggam Diploma Eksekutif	<b>12</b>
<b>13</b>	Penat lelah ayah berbaloi walau tak sempat genggam diploma	
	Ayah, ibu dan anak berkongsi pentas konvokesyen	<b>14</b>
<b>15</b>	FKKSA anjur Persidangan ICCEB-SOMChe 2011	
	ICMER bincang isu kejuruteraan mekanikal dan automotif	<b>16</b>
<b>17</b>	PPS lancar CGS Online	
	Wacana Strategik NC bincang pencapaian Pelan Strategik UMP	<b>18</b>
<b>20</b>	2,514 pelajar baharu sambung pengajian Ijazah Sarjana Muda	
	Mahasiswa baharu lafaz ikrar	<b>21</b>
<b>22</b>	Amalan terbaik pemantapan P&P	
	Kemeriah Malam Antarabangsa pupuk kepelbagaian budaya	<b>24</b>
<b>26</b>	Penyelidik harumkan nama UMP di BIS 11'	
	UMP raih 9 pingat di BioMalaysia 2011	<b>27</b>
<b>28</b>	Kereta Solar "Kilau" merentasi Benua Australia	
	UMP bantu ibu tunggal dan anak yatim tingkat kesedaran IT	<b>30</b>
<b>31</b>	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan tawar peluang pekerjaan	
	Klik-Klik Lensa	<b>32</b>
<b>34</b>	UMP jalin kolaborasi amal perkongsian ICT	
	UMP peneraju ICoE dalam bidang Acuan Tekap dan Sistem Suspensi	<b>35</b>
<b>36</b>	Hari Inovasi suburkan budaya kerja cemerlang	
	5,000 warga UMP sambut Hari Raya Aidilfitri	<b>38</b>
<b>40</b>	1,000 pengunjung tingkat kesedaran pendermaan organ	
	NC adakan kunjungan hormat kepada Panglima Tentera Udara	<b>41</b>
<b>42</b>	UMP, Kedutaan Besar Yemen eratkan hubungan dua hala	

<b>43</b>	UMP jalin kerjasama strategik dengan USU dan AMIK Tunas Bangsa	
	UMP, HP dan TEL jalin kerjasama tingkat penguasaan bidang perisian	<b>44</b>
<b>45</b>	UMP Holdings, SME Bank meterai perjanjian pembiayaan hartanah	
	D'Optimis dari Jabatan Pendaftar juara KIK	<b>46</b>
<b>47</b>	UMP terima wang zakat RM30,000 bantu pelajar miskin	
	Warga UMP sumbang 16,865.85 bantu mangsa kemanusiaan Somalia	<b>48</b>
<b>49</b>	MUhammad Azli juara Sayembara Puisi Merdeka Ke-54	
	12 pelajar cemerlang UPSR diraikan	<b>50</b>
<b>51</b>	CENFED, AKEPT anjur Kursus Pembangunan Transformasi Pensyarah Muda	
	Asri teriman AAp. 44 Juruaudit IPTA tingkat pengetahuan Audit ICT	<b>52</b>
<b>53</b>	700 alumni dirai harga sumbangan	
	1,000 pelajar sertai program Hari Keamanan Sedunia	<b>54</b>
<b>55</b>	Pra Pelancaran Expoconvo 11' meriah	
	Mahasiswa cemerlang di Inova, Debat Perdana Gender dan Cabaran Catur Bistari	<b>56</b>
<b>58</b>	Semangat 60 sukarelawan ceriakan rumah anak-anak yatim	
	Teach Malaysia Teach signifikan bagi jayakan UKRA Pembangunan Sosioekonomi	<b>59</b>
<b>60</b>	45 pelajar jelajah masyarakat pribumi	
	UMP juara kejohanan sukan MTUN 2011	<b>61</b>
<b>62</b>	UMP tuan rumah Karnival Bola Keranjang 3 on 3 IPT	
	FKEE juara Kejohanan Sukan Antara Fakulti	<b>64</b>
<b>65</b>	Pelantikan baharu/Penyambungan jawatan giliran	
	Terbitan Terkini	<b>66</b>
<b>68</b>	Artikel/Rencana Pilihan	
	Jejak Alumni	<b>70</b>



Abd Rahman Haji Safie

### PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim  
daing@ump.edu.my

### KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie  
arahman@ump.edu.my

### EDITOR

Safriza Baharuddin  
safriza@ump.edu.my

### WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais  
hilmy@ump.edu.my

Arman A. Rahim  
arman@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit  
mimirabita@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani  
sitiashah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip  
lily@ump.edu.my

Nadira Hana Ab Hamid  
nadira@ump.edu.my

Muhamad Faisal Mohd Yasin  
faisalm@ump.edu.my

Raihana Sulaiman  
raihana@ump.edu.my

Nor Azazi Mamat  
azazi@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris  
salwana@ump.edu.my

Mohd. Rozmillah Othman  
rozmillah@ump.edu.my



### PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah  
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid  
noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah  
mohdzulkifly@ump.edu.my

### JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
khairul@ump.edu.my

### PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
lin@ump.edu.my

Norhafizah Fadzillah  
hafizahf@ump.edu.my

### PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman  
mahdi@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

### EDITOR

Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang, Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-549 3184  
Faks: 09-549 3199  
e-Mel: safriza@ump.edu.my

## Menyusur Gelombang Baharu

Salam 1 Malaysia dan 1 UMP buat pembaca budiman.

Syukur ke hadrat Illahi, kesungguhan sidang Editorial *Create* yang tidak pernah kering idea dan gigih membanting kudrat memberi komitmen untuk buletin ini walaupun dihujani dengan tugas hakiki yang sedia mencabar, akhirnya edisi terakhir bagi tahun 2011 mampu direalisasikan penerbitannya untuk menemui pembaca setia *Create* yang saban tahun menunggu keluaran wadiah istimewa dari Universiti Malaysia Pahang ini.

Ucapan tahniah dan terima kasih juga buat seluruh warga UMP yang tidak pernah jemu mencurahkan khidmat bakti untuk menaikkan nama UMP yang begitu membanggakan sehingga hari ini. Tanpa usaha semua pihak sudah semestinya UMP kekeringan kejayaan yang membanggakan seperti mana yang dicapai pada hari ini dan juga mana mungkin buletin *Create* dapat diterbitkan sekiranya tiada kejayaan yang dicatat oleh UMP.

Oleh itu, sebelum kalendar 2011 melabuhkan tirainya, warga UMP sekali lagi membuktikan kesungguhan dan dedikasi dalam menayakan program Persidangan dan Pameran Jurutera Wanita (ICEWE) yang turut mendapat tempat di hati Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajjah Azizah Binti Al-Marhum Sultan Iskandar Al-Haj berangkat merasmikan majlis tersebut yang bertemakan "Memperkasakan Penyelidikan Jurutera Wanita di dalam bidang Industri, Keusahawanan dan Akademik".

Selain itu, seluruh warga UMP juga turut berbesar hati menerima kehadiran tokoh negarawan negara, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sudi berkongsi ilmu ketokohan beliau dalam melakar sejarah pembangunan negara di dalam Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di UMP dengan membincangkan mengenai "Cabaran Kempimpinan Masa Hadapan".

Rekod kejayaan pelajar sepanjang tahun 2011 juga amatlah membanggakan sekali apabila meraih kejayaan yang sangat cemerlang di dalam Pameran *36th International Invention Show* (Inova 2011) di Zagreb, Croatia, menjadi juara dan meraih gelaran pendebat terbaik di dalam Pertandingan Debat Perdana Gender 2011 Piala Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil dan kemenangan kumpulan Entrap yang menggondol tempat pertama dalam Pertandingan Cabaran Catur Bistari IPT Peringkat Kebangsaan 2011.

Maka, konklusi yang dapat dibuat sepanjang tahun 2011 adalah amat membanggakan sekali apatah UMP kian meraih kejayaan demi kejayaan yang telah pastinya akan diteruskan kegemilangan ini pada tahun hadapan selagi warga UMP sanggup mencurahkan bakti mereka untuk UMP tercinta. Semoga kehadiran tahun baharu, 2012 menjanjikan pulangan yang lebih lumayan apatah lagi UMP bakal menyambut ulang tahun yang ke-10.

Semoga berjumpa di edisi 2012.



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity



# Graduan perlu bersedia berdepan globalisasi



**“.....kepintaran akal semata bukanlah tiket mudah bagi mendapatkan pekerjaan. Di era ini, keterampilan diri dan budaya yang cemerlang adalah nilai tambah dan input pekerja yang biasanya diukur majikan.”**

- Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP)



Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menasihatkan graduan agar lebih bersedia berdepan dengan suasana globalisasi yang penuh dengan persaingan.

Titahnya, kepintaran akal semata bukanlah tiket mudah bagi mendapatkan pekerjaan. Di era ini, keterampilan diri dan budaya yang cemerlang adalah nilai tambah dan input pekerja yang biasanya diukur majikan.

“Dalam memainkan peranan ini, universiti perlu bersiap sedia melalui Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang berhasrat melahirkan para graduan bersifat profesional unggul yang bersesuaian dengan keperluan guna tenaga negara dengan menawarkan program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.

“Kolaborasi yang dimeterai UMP dengan universiti antarabangsa yang tersohor juga akan memenuhi kehendak pelanggan dalam menyediakan program-program yang relevan dengan keperluan industri.

“Graduan akan lebih bersifat holistik kerana mereka akan didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dari pakar selain dapat menggunakan peralatan pembelajaran yang canggih dan terkini,” titah baginda dalam Majlis Konvokesyen Ke-6 UMP yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 1 Oktober 2011 yang lalu.

Selain itu, baginda juga bertitah, pakatan strategik universiti-industri ini juga memberi peluang kepada graduan untuk dilatih dengan kemahiran tertentu mengikut keperluan pasaran kerja.

Manakala, Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti sedang memperkasakan program akademik, prasarana dan pengambilan bakat yang kompeten bagi merealisasikan hasrat universiti menjadi Universiti Teknologi bertaraf dunia.

Justeru, katanya, penubuhan Fakulti Teknologi baru-baru ini juga akan terarah dalam memberi fokus kepada elemen-elemen sains pengurusan, teknologi kejuruteraan, *soft technology* dan peluang baharu dalam bidang berkaitan yang sedang berkembang (*emergent*) dan futuristik.

“UMP akan terus berusaha mencipta inovasi pengajaran dan program akademik melalui persefahaman strategik yang dicapai dengan rakan-rakan antarabangnya,” kata Dato’ Dr. Daing Nasir.

Dalam majlis itu juga menyaksikan seramai 13 orang menerima anugerah kecemerlangan dan akademik sumbangan UMP, industri dan pihak NGO. Graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian), Hasrul Reeza Mustafa dan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Mohamad Nazrin Kooy Mohd Daniel Kooy telah dinobatkan Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

Anugerah Canselor diterima graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian), Kwan Shong Hann, graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia iaitu Mohamed Nazim Mohamed Sarajudin menerima Anugerah Naib Canselor, graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Mohd Usman Mohd Junaidi dan

graduan Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Faris Syafiq Zakaria menerima Anugerah Emas Universiti.

Graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian), Mohd. Faizal Ab. Razak, menerima Anugerah Kecemerlangan Yayasan Pahang, Graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian), Nor Hamiza Zainal menerima Hadiah Kecemerlangan HeiTech, graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Muhammad Ilham Miskon menerima Hadiah Industri-BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd, graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Choo Ling Qian menerima Hadiah Kecemerlangan Ir. Kee Book Hee dan Hadiah Kecemerlangan Sapura Industrial Berhad dianugerahkan kepada Muhammad Alliff Rahim yang merupakan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif.

Turutmenerima hadiah kecemerlangan, Norizan Syahnan graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) yang menerima Hadiah Srikandi Matahari dan Hadiah Industri-Telemkom Malaysia Berhad yang baharu diperkenalkan tahun ini dianugerahkan kepada Tan Piow Yon graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik & Elektronik.

Majlis yang berlangsung dalam dua sidang itu menyaksikan seramai 1,290 graduan melibatkan 10 penerima Ijazah Sarjana Kedoktoran, 25 Ijazah Sarjana, 866 Ijazah Sarjana Muda dan 389 Diploma menerima ijazah dan diploma masing-masing sekaligus mencatat sejarah angka tertinggi sejak penubuhan UMP sembilan tahun yang lalu.



*“.....sebagai sebuah negara demokrasi, rakyat seharusnya bijak membuat penilaian berdasarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman, tanpa dipengaruhi emosi dalam memilih pemimpin.”*  
- Tun Dr. Mahathir Mohamad



# Perlunya ilmu sebagai persiapan menjadi pemimpin – Tun Dr. Mahathir

Lebih 5,000 penyertaan melibatkan agensi kerajaan, pemimpin masyarakat, industri, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pelajar sekolah dan masyarakat setempat hadir untuk bertemu tokoh negarawan, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam membincangkan mengenai Cabaran Kepimpinan Masa Hadapan sempena Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, UMP itu diadakan di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 15 September 2011 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, jika dilihat dengan perkembangan teknologi, ideologi, ekonomi dan politik terkini pemimpin akan berdepan dengan banyak cabaran.

"Sebagai pemimpin negara di masa hadapan, kita seharusnya mempunyai jati diri yang teguh, berkemahiran, berhemah tinggi dan sentiasa berketrampilan unggul dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan untuk membela nasib nusa dan bangsa.

"UMP mengorak langkah menganjurkan beberapa siri syarahan umum sama ada di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa bagi berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman melalui syarahan yang disampaikan oleh tokoh-tokoh pilihan," katanya

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Induk Syarahan Umum Universiti berkata, perkongsian ilmu dengan Tun adalah signifikan dengan ketokohan beliau dalam melakar sejarah pembangunan negara hampir 22 tahun untuk dimanfaatkan buat generasi muda akan datang.

Katanya, mahasiswa universiti berpeluang

menimba ilmu dalam membentuk pemimpin masa hadapan, mengetahui cabaran dan corak kepimpinan yang relevan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju selaras dengan Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir sendiri.

Dalam syarahan itu, bekas Pedana Menteri Malaysia itu amat menekankan perlunya ilmu sebagai persiapan untuk menjadi pemimpin.

Beliau turut menasihatkan agar berhati-hati sekiranya ingin memilih pemimpin kerana tanpa membuat penilaian terlebih dahulu, mereka berkecenderungan akan mendapat seorang pemimpin yang tidak akan mampu untuk memimpin.

"Masyarakat perlu memilih pemimpin yang berwibawa dan bukan berdasarkan calon kegemaran semata-mata. Masih ramai yang terpengaruh dengan sentimen dan kesetiaan kepada calon kegemaran masing-masing.

"Saya berharap rakyat Malaysia akan faham bahawa pilihan raya bukan tempat untuk kita mempunyai calon kegemaran masing-masing.

"Sebaliknya, ia adalah tempat untuk kita memilih pemimpin yang benar-benar berwibawa, cekap membuat keputusan dan mendapat sokongan ramai," ujar beliau.

Menurut beliau lagi, sebagai sebuah negara demokrasi, rakyat seharusnya bijak membuat penilaian berdasarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman, tanpa dipengaruhi emosi dalam memilih pemimpin.

"Jika kita salah memilih pemimpin, rakyat sendiri yang akan menderita. Jangan salahkan sistem demokrasi kalau akhirnya rakyat yang menderita atas pilihan yang tidak tepat.

"Pemimpin perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan pengalaman yang lebih berbanding pengikutnya," jelasnya.



ICEWE  
2011

Tengku Puan  
Pahang rasmi  
**ICEWE11'**





Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajjah Azizah Binti Al-Marhum Sultan Iskandar Al-Haj berangkat merasmikan Persidangan dan Pameran Jurutera Wanita di Bukit Gambang Resort Kuantan.

Program anjuran Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang itu telah diadakan pada 20 November 2011 yang lalu.

Bertemakan 'Memperkasakan Penyelidikan Jurutera Wanita di dalam bidang Industri, Keusahawanan dan Akademik' persidangan ini menyaksikan lebih 200 pembentang daripada Malaysia dan luar negara termasuk Jordan, New Zealand, Pakistan, Nigeria, Thailand, Bangladesh, Iran, Australia, India dan United Kingdom membentangkan kertas kerja dalam bidang industri petrokimia, bioteknologi, pembuatan, automotif dan lain-lain.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, persidangan antarabangsa anjuran Persatuan Matahari ini akan mendedahkan para peserta dengan pelbagai maklumat mengenai penglibatan wanita khususnya dalam pelbagai bidang kejuruteraan yang turut sama menyumbang kepada pembangunan negara.

"Pemilihan tema ini bersesuaian dengan keperluan wanita dalam membincangkan secara serius tentang aplikasi, metodologi dan teknologi terbaru bidang kejuruteraan yang pada masa ini memperlihatkan golongan wanita juga tidak ketinggalan bersaing sama dalam menyumbang kepada pasaran industri, penyelidikan akademik dan keusahawanan.

"Persidangan ini juga menyahut seruan Perdana Menteri Malaysia iaitu sejajar dengan Model Ekonomi Baru (MEB) yang memberi penekanan kepada inovasi dan teknologi tinggi.

"lanya juga menyokong kepada

transformasi ekonomi serta sosial menerusi empat rangka utama iaitu gagasan 'Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10)," katanya.

Menurut beliau, sasaran utama persidangan ini adalah untuk mendapatkan idea-idea baharu, sama ada dari segi pembinaan produk atau penyelidikan yang boleh dikongsi bersama dengan memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti R&D di kalangan jurutera wanita.

"Persidangan antarabangsa ini merupakan platform kepada individu dan pakar-pakar dalam bidang kejuruteraan untuk membentangkan penyelidikan mereka dan bertukar-tukar pandangan untuk mengenal pasti peluang dan cabaran semasa dalam meningkatkan peluang kerjasama penyelidikan bersama industri," kata Dato' Daing.

Persidangan tiga hari itu menampilkan tiga pengucaptama, iaitu Dato' Ir. Aishah Dato' Hj. Abdul Rauf yang merupakan bekas Timbalan Presiden Edaran TNB dengan ucapatama bertajuk "*Climbing To The Top*", Rosfinah Ab. Kadir pula merupakan Ketua Jabatan di Petronas Ammonia Sdn. Bhd. (anak syarikat di bawah Petronas Chemicals Group) yang membentangkan kertas kerja bertajuk "*Challenges of Working in Man's World*".

Manakala, Datuk Ir. Rosaline Ganendra yang merupakan Pengarah Minconsult Sdn. Bhd. dan juga Timbalan Presiden IEM Council mengupas tajuk "*Woman Engineers From Malaysia*".

Dato' Daing berharap persidangan antarabangsa ini dapat menyediakan peluang untuk membentuk kerjasama dan jaringan dalam menyatukan pelbagai pihak bagi memartabatkan wanita dalam bidang kejuruteraan di Malaysia.





# 1,500 pelajar memeriahkan Karnival TaHa@UMP



Karnival TaHa@UMP anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP), Lembaga Tabung Haji (TH) dan Berita Harian mendapat sambutan meriah apabila lebih 1500 pelajar hadir menyertai pelbagai program sepanjang dua hari berlangsungnya karnival bertempat di Kompleks Sukan UMP.

Acara bermula dengan Larian URace sejauh 3 km di persekitaran kampus sebelum majlis perasmian Karnival dan pelancaran Kelab TaHa UMP yang dirasmikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Menurut Dato' Dr. Daing, melalui inisiatif penubuhan Kelab TaHa di universiti ini sebagai langkah permulaan, pihak pengurusan UMP optimis bahawa banyak peluang kerjasama yang berpotensi untuk diterokai bersama Lembaga Tabung Haji,

dan Berita Harian.

"Sinergi secara strategik ini mampu menyebarkan manfaat bukan sahaja untuk warga universiti malah masyarakat setempat yang meletakkan perkaitan rapat antara inisiatif acara ini dengan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015."

"Penyertaan dalam aktiviti ini juga akan memperkaya pengalaman kampus, melebarkan ruang interaksi dan menggilap potensi pelajar universiti ini," katanya semasa majlis perasmian.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Pahang, Haji Mohyeen Mohsen berkata, Tabung Haji mengucapkan terima kasih kepada pihak universiti yang memberi sokongan terhadap usaha murni kami memupuk amalan menabung di kalangan

mahasiswa menerusi Kelab TaHa@U.

Beliau mengharapkan ahli Kelab TaHa akan memanfaatkan sepenuhnya keanggotaan mereka dengan menyertai pelbagai program seperti sukarelawan operasi haji tanah air, khidmat masyarakat, Skim Latihan Graduan, Duta TaHa@U, sukan, riadah dan peraduan dianjurkan bersama Berita Harian. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Pengarang Eksekutif Rencana Berita Harian, Zainor Said, Pengurus Kanan Khidmat Pelanggan TH, Noor Azmima Ismail.

Manakala Presiden Kelab TaHa UMP, Mohd. Ameer Farhan berkata, lebih 10 gerai dan

pameran disediakan termasuk kaunter Mobil di gerai Tabung Haji mendapat sambutan yang menggalakkan memandangkan pelajar mendaftar sebagai ahli kelab dan membuka akaun dengan kadar 2 ringgit sahaja.

"Berita Harian juga menyediakan gerai sempena karnival itu dengan sesi bergambar untuk pengunjung, cabutan bertuah dan pembelian cenderahati eksklusif," katanya.

Beliau berkata, seramai 33 ahli Kelab TaHa UMP juga berkesempatan mengadakan lawatan dan menjalankan kerja amal di Madrasah Bahasa & Al-Quran (MaBIQ) di Tanjung Lumpur serta membawa adik-adik ini ke UMP.

Dalam pada itu, Pertandingan Peringkat Akhir Debat Piala Naib Canselor (Kategori Bahasa Melayu) yang diadakan bersempena



karnival ini menyaksikan juara dimenangi pasukan EEES<sub>1</sub> yang diwakili Loshyini Devi Pothorajoo, Wu Daniel dan Shabnam Parween Mohd. Salim di pihak Kerajaan dalam membahaskan usul "Demi Kestabilan Universiti AUKU Perlu Dipertahankan".

Kumpulan ini menewaskan EEES<sub>2</sub> yang diwakili Alif Amiruddin Zaidi, Mohd. Syafiq Abd. Rahman, Siti Khalijah Abdul Latif dan Munir Hashim daripada pihak pembangkang. Selain itu, Wu Daniel diumumkan sebagai pendebat terbaik keseluruhan. Johan pertandingan membawa pulang wang tunai 1,200 ringgit, piala pusingan dan sijil penghargaan.

Pelbagai aktiviti menarik seperti pameran dan jualan, permainan congkak, uno, pertandingan futsal, sepak takraw, pencarian duta TaHa@U dan Malam Wardah Seni yang

menampilkan persembahan artis Amar dan Najwa Latif yang turut memeriahkan karnival.

Karnival melabuhkan tirai dengan tayangan filem "Valley of the Wolves Palestine 2011" dan Forum Agama "Kelebihan Menunaikan Haji di Usia Muda: Suatu Hijrah" yang dijayakan Ustaz Mansor Sulaiman sebagai moderator bersama ahli panel, Ustaz Mahmud Mat dan Imam Besar Masjid Tengku Ampuan Afzan Indera Mahkota Kuantan, Ustaz Zainuddin Zakaria. Pelajar juga berpeluang mengambil bahagian dalam kursus dan simulasi haji yang dikendalikan Ustaz Mahmud Mat.

Penganjuran buat julung kalinya ini mendapat kerjasama daripada Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA), Kelab Orator dan Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PERSIS).





## 4 Datuk genggam Diploma Eksekutif

Majlis Konvokesyen Ke-6 Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung pada 1 Oktober 2011 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan UMP sekali lagi mencatat sejarah tersendiri apabila empat datuk menerima segulung diploma.

Mereka adalah Yang di-Pertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Negeri Perak, Datuk Wira Haji Jamaludin Abd Rahim, 65 dan rakan-rakannya Pengarah Urusan Bergaya Juta Sdn. Bhd., Dato' Haji Abdul Khalid Abdullah, Pengarah Urusan PUM Global Resources Sdn. Bhd., Dato' Sharuddin Yusof, 47, dan Naib Yang di-Pertua PKMM Negeri Perak, Datuk Haji Mohamad Hamdan Datuk Haji Ahmad, 57.

Lebih manis, Datuk Wira Haji Jamaludin Abd Rahim, 65, bersama dua anaknya iaitu, Muhamad Faizal Jamal Jamaludin, 34, Pengarah Pembinaan Caj Maju Sdn. Bhd. dan Muhamad Iqbal Jamal Jamaludin, Pengarah Eksekutif, Hotel DWJ Ipoh turut dianugerahkan Diploma Eksekutif Pengurusan Projek di Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED).

Selain itu, anak lelaki Datuk Haji Mohamad Hamdan yang juga merupakan Pengarah Eksekutif H.A.Z Properties Sdn. Bhd., Muhammad Hamzah Datuk Haji Mohamad Hamdan turut menerima diploma yang sama.

Syabas dan tahniah daripada seluruh warga UMP.



## Penat lelah ayah berbaloi walau tak sempat genggam diploma

“Walaupun ayah tidak berkesempatan memegang diploma ini, namun kehadiran kami sekeluarga cukup bermakna dan menjadi pendorong kami adik-beradik agar terus berusaha untuk berjaya,” ujar Nurul Zafirah Haji Zakaria, 23 yang baharu sahaja kehilangan ayah akibat mengidap strok sejak beberapa bulan lalu.

Menurut Nurul Zafirah, ayahnya, Haji Zakaria Jumaat, 55, yang mengikuti pengajian dalam bidang Diploma Eksekutif Pengurusan Projek di Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Universiti Malaysia Pahang (UMP) sepatutnya hadir ke Majlis Konvokesyen UMP Ke-6 pada 1 Oktober 2011 yang lalu.

Beliau yang baharu menamatkan pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Mergong turut memberitahu yang ayah merupakan mentor mereka sekeluarga dan beliau sangat sabar melayan karenah anak-anak.

Malah, isterinya, Halimah Packree Mohamad, 51, menyifatkan pemergian suaminya itu sudah suratan ilahi dan beliau sekeluarga tabah dalam menghadapi dugaan ini.

“Allahyarham kelihatan tidak sabar untuk

menerima diploma bersama 62 rakan yang lain.

“Semasa pembentangan akhir Diploma Eksekutif di Ho Chi Minh, Vietnam pada Julai lalu, Allahyarham mula diserang strok, namun Allahyarham tetap gagahkan diri untuk bersama-sama pelajar lain di sana bagi menamatkan pengajian terakhir mereka itu,” kata Halimah.

Walaupun bagaimanapun, beliau amat berbangga dengan pencapaian suaminya yang begitu tekun menamatkan pengajian walaupun pada ketika itu kesihatan beliau terganggu.

Majlis penyampaian diploma disempurnakan KDYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah AlHaj Ibn Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah yang juga Canselor UMP di Kamar Canselor selepas Majlis Konvokesyen berakhir.

Baginda juga telah berkenan menyumbang sedikit bantuan kepada keluarga Allahyarham dan memberi kata-kata perangsang supaya tabah menghadapi dugaan ini.

Konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 1,290 graduan daripada lima fakulti dan dua pusat pengajian yang menerima ijazah dan diploma masing-masing.



## Ayah, ibu dan anak berkongsi pentas konvokesyen

*“Kecekalan dan ketabahan yang ditunjukkan oleh mereka ini mendorong saya untuk lebih berjaya lagi dan semoga kami sekeluarga berjaya mengecapi apa jua yang kami lakukan kelak,” - Farah.*

Kehadiran ayah dan ibu dalam Majlis Konvokesyen Ke-6 Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 1 Oktober 2011 yang lalu sungguh berbeza buat Farah Liyana Mokhtar, 24, graduan Ijazah Kejuruteraan Kimia & Teknologi Gas.

Majlis Konvokesyen kali ini cukup meninggalkan kenangan yang tak dapat dilupakannya apabila kedua ibu bapanya, Dr. Hamidah Alus, 54 dan ayahnya, Dr. Mokhtar bin Ibrahim, 57 turut naik ke pentas menerima Diploma Eksekutif Pengurusan Projek, Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) UMP.

Lebih manis lagi, ibunya mendapat pencapaian yang amat membanggakan sekali apabila berjaya mengumpul CGPA 3.98.

Bagi Dr. Hamidah yang juga ibu kepada lima orang anak ini sangat komited dalam menyambung pengajian di UMP walaupun pada masa yang sama beliau bertugas sebagai Pengurus Pusat Rawatan Hidroterapi Ais, namun ini semua tidak mematahkan semangatnya untuk menelaah pelajaran dan mampu menjadikan kejayaan beliau ini sebagai *role model* kepada anak-anaknya.

Manakala menurut Dr. Mokhtar yang merupakan Pengarah Urusan Kayrul Construction Sdn. Bhd., ternyata pilihan yang dibuat untuk melanjutkan pengajian dalam bidang ini adalah tepat sekali.

“Saya rasa amat bersyukur sekali apabila dapat bergandingan dengan isteri dan anak dalam majlis konvokesyen ini.

“Segala penat lelah kami selama ini akan dikongsi bersama di dalam satu majlis yang berprestij ini,” ujar beliau.

Apabila ditanya perancangan masa hadapan, beliau berhasrat untuk memajukan lagi perniagaannya di samping bercita-cita untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana di UMP.

Manakala bagi Farah Liyana pula, beliau merasa amat bangga sekali akan pencapaian kedua ibu bapanya walaupun sudah mempunyai tahap pendidikan yang tinggi tapi amat berminat untuk menyambung kembali pelajaran di dalam bidang pengajian yang baharu.

“Kecekalan dan ketabahan yang ditunjukkan oleh mereka ini mendorong saya untuk lebih berjaya lagi dan semoga kami sekeluarga berjaya mengecapi apa jua yang kami lakukan kelak,” kata Farah.

# FKKSA anjur Persidangan ICCEIB-SOMChe 2011



Buat julung kalinya Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Kimia dan Industri sempena Simposium Jurutera Kimia kali ke-25 (ICCEIB-SOMChe 2011) bertempat di Hyatt Regency Kuantan Resort pada 29 November 2011 yang lalu.

Persidangan ICCEIB-SOMChe 2011 anjuran Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan kerjasama Institut Kejuruteraan Kimia (Icheme) itu disertai seramai 150 pembentang daripada dalam dan luar negara termasuk Korea, Iran, Australia, Jepun, India dan dari Malaysia.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, persidangan ini merupakan platform terbaik bagi jurutera kimia, ahli akademik dan penyelidik untuk membentangkan hasil dan sudut pandangan mereka mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan kimia dan bioteknologi industri.

Selain itu, ianya dapat memupuk kesedaran dan minat terhadap bidang kejuruteraan kimia dan bioteknologi industri.

Tambah beliau, persidangan yang bertemakan "Few For Many" ini memberi tumpuan mengenai kepentingan kejuruteraan dan bioteknologi industri kimia terhadap kajian sumber Makanan (*Food*), Tenaga (*Energy*) dan Air (*Water*).

Persidangan ini juga turut dihadiri pakar dalam dan luar negara untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan, misalnya Profesor Adel Sharif dari Universiti Wales, United Kingdom, Profesor Ir. Wan Ramli Wan Daud dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Profesor Dato' Dr Rosli Mohd Yunus dari UMP yang membincangkan mengenai kepentingan bahan industri dapat diuruskan dengan sempurna dalam konteks pembangunan lestari.

Katanya, jurutera kimia ataupun para akademik bukan sahaja dapat mendalami

pengetahuan kejuruteraan, tetapi juga mendapatkan resolusi terhadap permasalahan semasa berkaitan bidang kejuruteraan kimia dan bioteknologi industri yang dapat dimanfaatkan masyarakat sekitar.

Sementara itu, Dekan FKKSA, Profesor Dr. Jailani Salihon berkata, SOMChE diadakan setiap tahun melalui Fakulti Kejuruteraan Kimia Universiti di Malaysia. Namun pada tahun ini pihaknya berasa bertuah kerana dapat menganjurkan buat julung kalinya di Kuantan.

Dalam penyelidikan, UMP juga mencatat kejayaan yang membanggakan dalam Pameran Antarabangsa Reka Cipta, Inovasi dan teknologi (ITEX), BioMalaysia dan British Invention Show (BIS) pada tahun ini. Begitu juga di kalangan staf akademik yang aktif menerbitkan jurnal yang berimpak tinggi dalam *Journal of Applied Sciences* dan *American Journal of Applied Science*.

Dalam majlis ini Dato' Dr. Daing turut menyampaikan

sijil penghargaan kepada lima peserta yang meraih kertas kerja terbaik. Mereka adalah Huei Ruey Ong dari UMP yang membentangkan kertas kerja bertajuk "Effect of Jatropha Seed Oil Meal and Rubber Seed Oil Meal as Melamine Urea Formaldehyde Adhesive Extender on the Bonding Strength of Plywood".

Selain itu, Anisa Ur Rahmah dari Universiti Teknologi Petronas, Noraziah Abu Yazid dari UMP, Teoh Yi Peng dari Universiti Sains Malaysia dan Norazrina Pakiman dari Inno Biologics Sdn. Bhd.

Hadir sama Pengerusi Institut Kejuruteraan Kimia (Icheme), Ir. Johan Alimin Samad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Pengerusi SOMChE 2011, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.



## ICMER bincang isu kejuruteraan mekanikal dan automotif

Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Kejuruteraan Mekanikal (ICMER) anjuran Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pusat Kejuruteraan Automotif (EAC) menyaksikan hampir 100 peserta termasuk 24 orang daripadanya peserta Australia, India, Bangladesh, Iran, Iraq, Mexico dan Indonesia berkumpul untuk berkongsi kepakaran dalam bidang mekanikal dan automotif negara.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, persidangan ICMER merupakan suatu platform yang membolehkan para akademik, penyelidik, jurutera mahu pun pelajar berkongsi idea dan pengalaman masing-masing.

"Persidangan ini bukan sahaja terhad kepada bidang kejuruteraan mekanikal sahaja, tetapi juga dalam bidang kejuruteraan automotif, pembuatan, biomekanikal, bahan dan industri." Tambah beliau, penganjuran ini bersesuaian dengan bidang fokus utama universiti iaitu kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan automotif dan pembuatan.

Dato' Dr. Daing yakin dengan pendekatan yang betul ditambah dengan inisiatif dan kepimpinan yang dinamik, FKM dan AEC akan memainkan peranan yang penting dalam memperkuatkan bidang ini agar UMP lebih dikenali.

"lanya bersesuaian dengan konteks pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015, bidang keberhasilan universiti yang turut mencakupi penjarangan strategik untuk penjenamaan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa," katanya semasa berucap dalam majlis makan malam sempena ICMER 2011 di Hotel MS Garden Kuantan pada 6 Disember 2011 yang lalu.

Katanya, kerajaan Malaysia juga menggalakkan budaya R&D&C, iaitu dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan di institusi pengajian tinggi dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif dan kemudahan yang dapat memberi faedah di kalangan penyelidik dan akademik.

Persidangan dua hari ini menyaksikan pembentangan kertas

kerja yang disampaikan Profesor T.S. Zhao daripada The Hong Kong University of Science & Technology (HKUST), Professor Dr. David Hui daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, University of New Orleans, Professor CHEW Yong Tian, Ketua jabatan Kejuruteraan Mekanikal, National University of Singapore dan Profesor Talal Yusaf dari University Southern Queensland.

Selain itu, kertas kerja yang dibentangkan ini akan diterbitkan dalam Sains Bahan dan Kejuruteraan (MSE), indeks dalam Scopus, Ei Compendex, Inspec, jurnal antarabangsa Kejuruteraan mekanikal dan automotif (IJAME) serta jurnal kejuruteraan mekanikal dan sains (JMES).

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Dr. Zahari Taha dan Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif, Dr. Abdul Adam Abdullah.







## PPS lancar CGS Online

Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan *CGS online* bagi memudahkan proses permohonan kemasukan bagi pelajar siswazah untuk menyambung pengajian di peringkat Pengajian Siswazah di UMP.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.

Beliau berkata, inisiatif Pusat Pengajian Siswazah (PPS) bagi membangunkan aplikasi *CGS Online* ini merupakan satu nilai tambah kepada perkhidmatan pelanggan yang berurusan dengan pusat ini.

"Aplikasi ini merupakan suatu inovasi yang memperkasakan sistem penyampaian sekaligus memudah cara pelbagai urusan dan proses yang berkaitan dalam memberi impak positif kepada pertambahan bilangan penuntut siswazah pada masa akan datang," katanya semasa merasmikan *CGS Online* di Dewan Bankuet, Canseleri pada 20 Disember 2011 yang lalu.

Menurut Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Profesor Datin Dr. Nasli Mohamed Ali, PPS kini menawarkan program pengajian siswazah secara penyelidikan dan kerja kursus melalui lapan fakulti dan termasuk Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

"Pada masa ini, sebanyak 28 program ditawarkan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah, ijazah doktor kejuruteraan sebanyak 14 program, Ijazah Sarjana sebanyak 34 program dan empat program ijazah sarjana secara kerja kursus," katanya.

Sebelum ini katanya, proses kemasukan dan pengurusan pelajar hanya digunakan secara manual namun dengan adanya *CGS online* ini dapat menjimatkan masa dalam memproses permohonan pelajar.

Pada tahun ini juga, seramai 152 pelajar mendaftar sebagai pelajar baharu, 47 daripadanya merupakan pelajar luar negara dan kini jumlah keseluruhan pelajar meningkat seramai 371 orang.

Beliau mengharapkan agar aplikasi ini dapat membantu meningkatkan mutu kerja harian dan peningkatan bilangan pelajar PhD selaras dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) menjelang 2013.

Hadir sama Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hassan dan Dekan Sekolah Siswazah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Dr. Wan Salihin Wong Abdullah.



## Wacana Strategi NC bincang pencapaian **Pelan Strategik UMP**

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus melangkah mencipta kecemerlangan berpandukan Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang dilihat berada di landasan kukuh dan mampu menjadikannya sebagai universiti teknologi pilihan utama.

Selaras dengan matlamat ini, UMP mengukuhkan komitmen yang digariskan di dalam Pelan Strategik UMP melalui empat objektif yang spesifik, iaitu pertamanya melahirkan graduan yang berketerampilan melalui penawaran program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.

Kedua, menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan tujahan dan bidang kepakaran.

Ketiga, diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

Keempat, menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.

Sehubungan itu, UMP terus berpegang misi universiti dalam menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang membudayakan kreativiti dan inovasi.

Dalam menyampaikan Wacana Strategi Naib Canselor yang membentangkan pencapaian Pelan Strategik UMP pada 12 Oktober 2011 yang lalu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, sepanjang sembilan tahun penubuhannya, UMP melalui beberapa fasa yang bermula dengan meletakkan asas sebagai universiti teknikal sejak penubuhannya pada tahun 2002.

"Seterusnya, fasa kedua UMP berdepan dengan fasa transformasi dalam memperkukuh asas dan menjana kecemerlangan.

"Kini universiti berada di fasa ketiga dan Pelan Strategik UMP 2011-2015 ini seiring dengan objektif Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dalam memartabatkan pengajian tinggi negara sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

"Dalam merealisasikan hasrat ini, UMP mengenal pasti empat bidang keberhasilan utama universiti (KRA) iaitu, peningkatan kualiti akademik yang dipimpin oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz; kelestarian kewangan dipimpin oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin memimpin pembangunan sosioekonomi.

Dato' Dr. Daing turut mengumumkan Profesor dari Fakulti Teknologi (FT) iaitu Profesor Dr. Ab. Razak Kamaruddin memimpin bidang penjenamaan iaitu KRA Ke-4.

Bagi meningkatkan kualiti akademik pada tahun ini, beliau berkata, UMP kini berjaya mencapai sasaran 30 peratus staf akademik yang mempunyai kelayakan PhD.

“Selain itu, dalam memastikan staf UMP lebih kompeten, UMP kini memiliki seramai 109 staf atau 24 peratus di kalangan staf akademik yang mempunyai latar belakang lebih lima tahun pengalaman di industri dan jumlah ini dijangka meningkat dan mencapai sasaran 30 peratus menjelang tahun 2015 nanti.

“Begitu juga dalam melahirkan graduan yang berketerampilan, UMP mensasarkan satu pelajar satu pengiktirafan sama ada berkaitan khidmat masyarakat, sukarelawan atau pun industri bagi memastikan pelajar mempunyai nilai tambah untuk bersaing dalam pasaran kerja,” katanya di hadapan 1,000 orang staf UMP.

Beliau turut menyeru semua dekan fakulti dan staf universiti agar menyediakan program yang sesuai untuk menjayakan hasrat ini.

Dato' Daing Nasir juga berkata, UMP kini mula mendapat tempat untuk pelajar menyambung pengajian apabila 46 peratus daripada calon yang memilih UMP sebagai tempat pengajian mempunyai keputusan cemerlang iaitu, CGPA 3.0 ke atas.

Wacana anjuran Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti diadakan di kedua-dua kampus UMP di Pekan dan Gambang yang melibatkan staf pentadbiran dan staf akademik.

Dalam majlis yang sama beliau menasihatkan semua warga UMP untuk terus membina budaya dan semangat kerja berpasukan bagi meningkatkan prestasi organisasi.

Hadir sama Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hassan, Pendaftar Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari Zainuddin Othman dan Ketua Pustakawan Tuan Haji Ruslan Che Pee.



***“Kini universiti berada di fasa ketiga dan Pelan Strategik UMP 2011-2015 ini seiring dengan objektif Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dalam memartabatkan pengajian tinggi negara sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.” - Dato' Daing Nasir***





## 2,514 pelajar baharu sambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di sini.

Sesi pendaftaran pelajar baharu kali ini mencatatkan sejarah angka tertinggi apabila Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima seramai 2,514 pelajar baharu yang akan menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di sini.

Malahan, pendaftaran kali ini menyaksikan buat pertama kalinya seramai 834 pelajar mendaftar di kampus Pekan.

“Peningkatan jumlah pelajar ini sesuai dengan perkembangan dan kemajuan semasa universiti ini,” kata Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam Majlis Perasmian Minggu Induksi Siswa (MINDS) di Kompleks Sukan UMP di Gambang pada 5 September 2011 yang lalu.

Katanya, peningkatan jumlah ini membolehkan lebih ramai anak bangsa mendapat peluang melanjutkan pelajaran bagi manfaat negara pada masa hadapan.

Beliau mengharapkan tempoh seminggu yang diperuntukkan untuk MINDS 2011 bakal

dimanfaatkan sebaik mungkin bagi mengenali UMP, cara kehidupan dan budaya pembelajaran serta keperluan-keperluan dari segi akademik dan kokurikulum yang perlu dipenuhi bagi meneruskan pengajian di universiti ini.

UMP komited dalam memberikan total *campus experience* yang terbaik kepada pelajar universiti ini yang diibaratkan sebagai satu pelaburan jangka panjang memandangkan pelajar yang dibentuk dalam suasana budaya kampus yang kondusif pastinya akan kembali semula sebagai alumni yang menghargai alma maternya apabila tamat pengajian kelak.

Beliau juga melahirkan rasa bangga dengan komitmen seramai 150 pelajar kanan yang menjadi fasilitator dalam mengendalikan acara-acara Universiti yang penting termasuklah MINDS 2011 yang dikelolakan sepenuhnya pelajar UMP melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan seliaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni serta pusat-pusat tanggungjawab lain di Universiti

ini.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, UMP sentiasa mengambil berat tahap keselesaan pelajar dan pada masa ini universiti sedang menaik taraf asrama, kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

Katanya, pelajar harus bijak mengambil peluang keemasan dengan memanfaatkan kemudahan dalam menimba ilmu selama empat tahun di kampus ini.

Hadir sama dalam majlis berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkaflī Hassan, Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar, Muhammad Fazli Abd. Halim dan Pengarah MINDS, Mohd. Zulwafī Bahaudin.



# Mahasiswa baharu lafaz ikrar

Seramai 2,514 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) melafaz ikrar sebagai mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam Majlis Amanat Naib Canselor UMP dan Ikrar mahasiswa sempena Minggu Induksi Siswa (MINDS) pada 7 September 2011 yang lalu.

Lafaz ikrar yang diketuai mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Ammar Shahidan itu juga berjanji akan memelihara nama baik universiti, masyarakat, agama dan negara.

Dalam majlis ini, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyarankan mahasiswa baharu UMP untuk bijak mengurus diri dalam mengharungi kehidupan kampus agar terus mencipta kecemerlangan sepanjang pengajian di sini.

Katanya, suasana kehidupan kampus yang lebih longgar berbanding alam persekolahan atau matrikulasi adalah medan latihan kepada mahasiswa untuk mengurus diri sebagai individu dewasa yang mampu berdikari dan berupaya memikirkan buruk baik kesan tindakan

dan keputusan yang dibuat.

"Universiti dihuni orang-orang yang terpelajar dan berilmu, maka sudut pandangan dan perspektif kita sebagai warga universiti diasaskan kepada penilaian yang adil dan ilmiah, bukannya dibayangi emosi, sentimen perkauman atau ideologi politik," ujar beliau.

Beliau menasihatkan pelajar agar bermasyarakat dan mencorak suasana bagi memaknakan *campus experience* dengan menyertai persatuan memandangkan UMP mempunyai 73 buah kelab dan persatuan yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang menanti untuk disertai.

Jelasnya, minda yang matang dan bijaksana adalah paksi penting yang mendasari watak seorang mahasiswa.

"Justeru, cabaran utama dalam fasa baharu ini ialah untuk membina kelasakan minda dan ketahanan diri bagi mencipta kecemerlangan dan keunggulan dengan persona seorang mahasiswa yang berwibawa.

"Apatah lagi, sebagai mahasiswa yang menggalas harapan tinggi keluarga dan

negara, tempoh kehidupan di kampus boleh dimanfaatkan sebaik mungkin untuk berperanan sebagai ilmuwan muda dan jurubicara kepada masyarakat.

"UMP tekad untuk memberikan *campus experience* yang terbaik dalam membentuk mahasiswanya berjiwa besar, memiliki sudut pandang yang luas dan berupaya pula menilai situasi dari pelbagai sisi, atau dengan kata lain berfikir di luar kotak," katanya lagi.

Tambahnya, keupayaan untuk berfikir di luar kepompong lazim dan menilai situasi dari pelbagai sisi ini akan menghasilkan idea-idea kreatif yang dijemlakan oleh minda segar dan progresif.

Dato' Dr. Daing Nasir berkata, peluang terbentang luas untuk dieksploitasi sebaik mungkin dalam membentuk kualiti terbilang yang membezakan mahasiswa UMP dengan penuntut institusi lain. Lebih dari itu, kualiti terbilang ini menambah nilai kepada jenama UMP, sekaligus menjadikannya sebuah universiti yang disegani.

Hadir dalam majlis Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hassan dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar, Mohd Fazli Abdul Halim.



# Amalan terbaik pemantapan P&P

Oleh: DR. KAMAL YUSOF

Pendidikan merupakan elemen yang sangat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Kemajuan sesebuah negara turut dikaitkan dengan tahap pendidikan dan kemudahan pendidikan yang disediakan. Di universiti, bidang pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan fungsi teras yang perlu dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan graduan yang dilahirkan berkualiti tinggi dari segi pengetahuan dan sahsiah. Konsep pengajaran dan pembelajaran adalah satu proses berterusan dalam usaha menjayakan matlamat pendidikan tinggi negara.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007 (PSPTN) yang dilancarkan untuk mengubah landskap pendidikan tinggi negara bagi menghadapi cabaran globalisasi dan peralihan ekonomi berasaskan pengetahuan. Teras strategik ke-2 PSPTN menggariskan proses penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan ia berkualiti, relevan dan bersifat dinamik mengikut perkembangan semasa dan berkesan dalam melahirkan graduan berketerampilan. Perlaksanaan proses P&P mestilah menggunakan pendekatan yang

bersesuaian dengan tahap keupayaan kognitif setiap pelajar, tahap pembelajaran dan juga berbantuan alat bantu pengajaran yang terbaik.

Dalam konteks UMP, proses bagi penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran turut diberi peranan khusus dalam perancangan strategik UMP 2011-2015. Salah satu objektif yang digariskan adalah untuk menghasilkan graduan yang cemerlang melalui program-program akademik yang kompetitif dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Pemerkasaan program akademik, prasarana, pengambilan pelajar yang berkualiti dan warga kerja yang kompeten melayakkan UMP untuk diiktiraf sebagai sebuah Universiti Teknologi Bertaraf Dunia. Semua elemen pemerkasaan ini dimantapkan melalui tadbir urus pengajaran dan pembelajaran seperti Senat, Jawatankuasa Tetap Senat dan Jawatankuasa Akademik Fakulti / Pusat.

Malahan, Dasar Akademik UMP yang mengandungi peraturan-peraturan yang perlu diguna pakai dan dipatuhi serta justifikasi atau rujukan, serta cadangan proses pelaksanaan dari awal hingga ke akhir dijadikan sebagai asas pembangunan

dasar berdasarkan kepada visi, misi, falsafah dan nilai teras UMP. Bermula daripada pengambilan pelajar sehinggalah pelajar bergraduat, kecemerlangan dalam pembelajaran dan kebolehpasaran graduan merupakan objektif yang perlu dicapai. Dasar pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran merupakan mekanisma terpenting yang memberi ruang bagi UMP membangun insan yang kompeten dari segi teknikal di samping pembangunan kemahiran insaniah melalui metodologi pengajaran seperti pembelajaran berpusatkan pelajar (*student centered learning*) serta menjadikan e-Pembelajaran sebagai '*enabler*' dalam pelaksanaan P&P yang inovatif. e-Pembelajaran berupaya menjadikan UMP lebih berdaya saing dan kompetitif di peringkat global serta berupaya menyediakan graduan bertaraf dunia.

Staf akademik universiti terutama di UMP lazimnya terdiri daripada golongan profesional dengan latar belakang pendidikan tinggi dan berpengalaman luas dalam disiplin yang berbagai-bagai. Pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dimiliki oleh pensyarah tidak memberi makna kepada pelajar sekiranya ilmu itu tidak dapat disampaikan secara berkesan. Oleh itu, keperluan golongan profesional dilatih untuk menjadi pendidik profesional adalah merupakan hakikat yang perlu diterima oleh semua pihak dan menuntut komitmen yang tinggi daripada pihak universiti. Profesion akademik dan masyarakat amnya menuntut pensyarah universiti untuk mendokong pelbagai peranan iaitu sebagai pendidik yang bijaksana, peneraju bidang ilmu yang dimiliki melalui kecemerlangan penyelidikan, pemacu dalam pembentukan sahsiah pelajar serta wahana dalam kemajuan ekonomi masyarakat dan negara.



Peranan dan tanggungjawab pensyarah sebagai pendidik adalah kompleks dan ini menuntut para pensyarah memiliki keupayaan atau kecekapan bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai. Oleh itu, konsep pembangunan staf yang dirancang menuntut pensyarah mempelajari dan menguasai kemahiran yang pelbagai bagi mencapai hasrat tinggi yang disandarkan oleh golongan masyarakat terutama para ibu bapa yang menghantar anak masing-masing ke universiti. Selain itu, latihan yang bersistematik membantu pensyarah terutama pensyarah baharu dalam pengajaran dan pembelajaran agar fungsi pensyarah dapat dilaksanakan secara efektif. Di samping itu, pemantauan prestasi pengajaran dan pembelajaran serta pengiktirafan kepada tenaga akademik perlulah didokong melalui komitmen yang jitu daripada semua tenaga akademik.

Dalam merealisasikan pendidikan bertaraf dunia, UMP tidak dapat lari daripada cabaran-cabaran yang boleh memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Antara isu-isu yang banyak dibincangkan ialah mentaliti dan profesionalisme pensyarah, konflik minat

atau kecenderungan, kekurangan tenaga pengajar berpengalaman dan perkembangan universiti yang terlalu pantas. Justeru, selari dengan hasrat meningkatkan keberkesanan dan seterusnya memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran pelbagai program dan aktiviti perlu dirancang secara holistik, berstruktur dan strategik. Ini bertujuan memastikan tenaga akademik yang berada di UMP mampu menyahut cabaran Y.A.B Perdana Menteri Malaysia yang membayangkan bahawa menjelang tahun 2057, Malaysia mampu memenangi Nobel Laureates, mempunyai jenama yang dihormati dan setanding dengan negara-negara maju yang terkehadapan terutama di bidang penyelidikan pembelajaran dan pengajaran. Antara perkara yang boleh diberi penekanan adalah melalui latihan pengajaran dan pembelajaran secara berterusan, menyediakan geran penyelidikan bagi pengajaran dan pembelajaran, mengadakan konsep mentor-mentee, memperkasakan sistem e-Pembelajaran dan penglibatan pemegang taruh (*stake holder*) di dalam proses P&P.

Oleh yang demikian, dalam menuju ke arah melahirkan graduan universiti

yang bersifat holistik dari segi ilmiah dan juga sahsiah yang berkualiti, keperluan memiliki pensyarah yang berkualiti dari segi pengajaran, berpengalaman luas di bidang yang dimiliki serta mampu membina sahsiah pelajar adalah begitu kritikal. Isu-isu yang menghalang proses pembinaan kualiti universiti terutama di bidang pengajaran dan pembelajaran haruslah ditangani dengan bijaksana bagi menjayakan visi dan misi universiti. Seluruh warga universiti terutama kepimpinan tertinggi UMP perlu bekerjasama menggembleng tenaga dan berganding bahu dalam menyediakan program latihan yang bersepadu kepada pensyarah terutama di bidang P&P, menyediakan peruntukan yang sewajarnya dalam infrastruktur akademik, melihat kembali elemen penilaian dalam proses kenaikan pangkat, serta mampu menawarkan pakej gaji yang lebih menarik bagi menarik minat lebih ramai ilmuan menceburi bidang akademik di UMP. Mungkin hasilnya tidak dapat dilihat dalam tempoh yang singkat, tetapi usaha yang berterusan dan bersistematik mampu menjana hasil yang lumayan iaitu menjadi universiti teknologi pilihan pertama pelajar menjelang tahun 2020.



**Peranan dan tanggungjawab pensyarah sebagai pendidik adalah kompleks dan ini menuntut para pensyarah memiliki keupayaan atau kecekapan bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai.**



Penulis adalah Timbalan Pengarah, Pusat Akademik dan Daya Saing (CAIC), Universiti Malaysia Pahang.

# Kemeriahan Malam Antarabangsa pupuk kepelbagaian budaya



Lebih 500 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) di kalangan pelajar dan staf luar negara memeriahkan Malam Antarabangsa 2011 anjuran Pejabat Antarabangsa (UMP) di Dewan Astaka UMP pada 9 Disember 2011 yang lalu.

Bertemakan warna-warna dunia menyaksikan persembahan pelbagai budaya dipertontonkan antaranya persembahan pelajar dari Bangladesh iaitu nyanyian Bengali bertajuk 'Sonan Sona Sona Loke Bole Sona' dan 'Melai Jai Re Melai Jei Re', persembahan Kungfu, Taichi dan lukisan tradisional dari China, tarian Kalimantan Timur (Kancet Papatai dan Kancet Ledo) dari Indonesia serta tarian tradisional Nigeria dan juga Yemeni.

Makanan yang disajikan juga bertemakan antarabangsa apabila sebanyak lapan menu pelbagai negara turut disajikan, antaranya Samoosay dan Chooley Chaat dari Pakistan, Basta dan Busbosa dari Sudan, Pakon Pitha dan Chom-chom dari Bangladesh, bakso dari Indonesia dan Cut Mirchi dari India.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang berucap

merasmikan Malam Antarabangsa itu berkata, program ini merupakan acara tahunan yang melibatkan penyertaan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara bagi perkongsian budaya seterusnya memupuk semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan pelajar serta staf UMP.

Selain itu, ia merupakan platform bagi pelajar antarabangsa untuk memperkenalkan budaya yang unik dan tradisi negara masing-masing.

"Berkonsepkan 1 Malaysia, semangat kerjasama dan bersatu tetap wujud dalam konteks kepelbagaian warganegara dalam memupuk keharmonian.

"Kini, UMP mempunyai seramai 181 pelajar antarabangsa dari pelbagai pelusuk dunia antaranya Nigeria, Yemen, Pakistan, India, Republik Chad, Iraq, Bangladesh, Uzbekistan, China, Sudan, Indonesia, Iraq dan Libya," katanya.

Beliau berharap kepelbagaian program dapat dijalankan bagi meningkatkan perpaduan antara pelajar dengan warga UMP serta mengeratkan lagi hubungan antara satu

sama lain.

Pelajar program pascasiswazah dari Pakistan, Nawsher Khan yang sedang menyambung pengajian di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) berkata, beliau sungguh seronok dapat menyaksikan pelbagai persembahan dan berjumpa dengan rakan-rakan dari negara lain memandangkan kesuntukan masa menyebabkan mereka jarang berjumpa.

Begitu juga dengan Urme Salam, 31 dari Bangladesh yang sedang menyambung pengajian dalam ijazah kedoktoran di Fakulti Teknologi ternyata teruja kerana dapat mengadakan persembahan dan menyediakan juadah untuk dihidangkan kepada pengunjung yang hadir.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badrulhisham Abd Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah Al-Qadri.







## Penyelidik harumkan nama UMP di BIS 11'

Penyelidikan Dr. Iqbal Ahmed dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) bertajuk "*Spinning Apparatus for Continuous Hollow Fiber Membrane Spinning Process Using Pressure Phenomenon*" menarik perhatian juri apabila berjaya memenangi pingat emas dan Anugerah Berlian (*Diamond Award*) dalam Pameran Antarabangsa Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi British (BIS) yang berlangsung selama empat hari di Alexandra Palace London, Spitalfield, London pada 22 Oktober 2011 yang lalu.

Dr. Iqbal Ahmed diumumkan sebagai penerima anugerah khas ini setelah beliau bersama dua rakan penyelidikannya, Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Dr Muhammad Shakaib berjaya membuktikan projek penyelidikan ini telah memberi manfaat kepada masyarakat.

Produk penyelidikan yang dibangunkan kumpulan penyelidikan ini mampu menghasilkan *hollow fiber membran* dengan menggunakan kaedah tekanan semula jadi tanpa menggunakan tenaga elektrik.

Selain itu, *hollow fiber membran* yang dihasilkan ini

berkualiti tinggi serta menjimatkan kos.

Pada masa yang sama juga, kajian penyelidikan "*A Novel Ultrasonicated Membrane Anaerobic System (U-MAS) For Waste Water Treatment*" yang dibangunkan Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dari FKKSA juga turut memenangi pingat emas.

Projek yang dijalankan bersama Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Profesor Madya Zulkafli Hassan dan Dr. Azhari H. Nour itu mampu menyelesaikan masalah rawatan air kumbahan terutamanya hasil dari kilang-kilang sawit agar dapat dirawat dengan sempurna sebelum dilepaskan ke saluran air semula jadi.

Teknologi baharu yang dibangunkan ini juga mampu menghasilkan gas methane yang boleh dijual sebagai produk sampingan.

BIS 2011 merupakan pertandingan pameran penyelidikan, inovasi dan teknologi yang terbesar di United Kingdom dengan penyertaan lebih 15 negara termasuk Rusia, Arab Saudi, Taiwan, Romania, Sepanyol, Australia, Ireland, Malaysia dan lain-lain.

# UMP raih 9 pingat di BioMalaysia 2011



Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mencatatkan kejayaan apabila meraih sembilan pingat iaitu satu emas, satu perak dan tujuh gangsa pada BioMalaysia 2011 dan Sidang Kemuncak RIM Pasifik Mengenai Industri dan Biotenaga 2011 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 21 November 2011 baru-baru ini.

Pingat emas UMP diraih oleh Dr. Arun Gupta dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) menerusi projek penyelidikannya bertajuk *"Formulation of Anti Aging Cream With UV Protection From Chicken Feathers"*.

Manakala projek penyelidikan bertajuk *"Production of Second Generation Biodiesel From Rubber Seed Oil Using Cement Clinker Derived Catalyst"* oleh Dr. Jolius Gimbin juga dari FKKSA meraih pingat perak.

UMP yang mempertaruhkan 11 projek penyelidikan pada kali ini turut berbangga apabila ruang pamerannya dianugerahkan sebagai ruang pameran terbaik bagi kategori ruang pameran mesra pengunjung.

Selain itu, tujuh lagi produk penyelidikan yang meraih pingat gangsa adalah *"Bioleaching of Silver Nano Particles from Hazardous Wastes"* oleh Dr. Essam Abdellatif Makky dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), *"Biolabisia - A Standardized Plant Extract For Weight Management"* oleh Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dari FSTI dan *"Gaharu Aromaster Kit"* oleh Dr. Saiful Nizam Tajuddin juga dari FSTI.

Selain itu, turut menerima pingat gangsa adalah Profesor Madya Dr. Ghazi Faisal Najmuldeen dari FKKSA menerusi *"Castor Oil The Future Industrial Oil For Malaysia"*, Nor

Maniha Abdul Ghani dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) menerusi projek *"Eco-cell - A Novel Vermicomposting Method for Energy Production (Waste to Wealth)"*, Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak dari Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam (CERRM) bertajuk *"Biodegradation Treatment Solution"* dan Noor Suraya Romali dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) menerusi *"Application of N-Filter For Wastewater Treatment"*.

Pada majlis tersebut juga, Dato' Sri Mohd Najib turut melancarkan Strategi Biomass Kebangsaan iaitu dasar baharu bagi meningkatkan kemampuan negara dalam bidang biomassa ke arah menjadi hab dunia dalam bidang bioekonomi dan bioteknologi.

Katanya, strategi baharu yang bertemakan 'Biomass Ke Arah Kekayaan' itu akan dibangunkan oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dengan kerjasama Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiGHT), agensi kerajaan berkaitan serta sektor korporat dan universiti.

"Strategi ini akan mendorong kepada perkembangan industri bernilai tinggi yang baharu seperti bioteknologi dan biokimia serta menjana 70,000 peluang pekerjaan dengan 40,000 merupakan pekerjaan berkemahiran tinggi.

"Menjelang 2020, Strategi Biomass dijangka menjana pendapatan baharu bernilai RM30 bilion di Malaysia.

"Biomass adalah hasil pertanian dan organisma mikro yang boleh menghasilkan tenaga serta komoditi komersial melalui proses bioteknologi dan merupakan sumber tenaga boleh diperbaharui.

"Strategi ini akan mendorong pertumbuhan ekonomi tinggi di kawasan

luar bandar di samping menggalakkan penghasilan teknologi tempatan yang baharu," ujar beliau ketika berucap di hadapan kira-kira 1,000 tetamu yang hadir.

Tambah beliau lagi, ia merupakan pendekatan bersifat mesra alam apabila dapat mengurangkan pelepasan gas metana sekali gus menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

"Strategi baharu itu sangat jelas dalam membawa kerajaan merebut peluang itu dan sudah semestinya kita sangat teruja dengan prospek tersebut dan begitu optimis mampu mencapai kejayaan dalam bidang itu.

Sebagai negara pengeksport minyak sawit terbesar di dunia, katanya Malaysia menjana banyak biomassa yang mempunyai potensi yang besar bagi aplikasi bernilai tambah yang tinggi dari bio bahan api hingga kepada bioplastik dari bahan mentah selulos.

Dengan mempunyai nilai dianggarkan US\$11.14 bilion pada 2015, biomassa disasarkan menjadi penyumbang penting terhadap sektor pertanian dan perindustrian bioteknologi.

Pada masa yang sama, beliau turut mengumumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), BiotechCorp dan agensi-agensi berkaitan akan melancarkan satu pelan cadangan Bioekonomi bagi Malaysia menjelang awal tahun depan.

Inisiatif yang akan dilancarkan itu akan melengkapi Dasar Bioteknologi Negara.

Hadir sama Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Tuan Haji Fadillah Yusoff dan Pengerusi Biotech Corporation, Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus.

# Kereta Solar “Kilau” merentasi Benua Australia

Tiada siapa menyangka kepayahan dan cabaran pasukan UMP Solar Car Team yang terdiri daripada seorang Profesor, sembilan penyelidik dan jurutera termasuk lapan pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) berbaloi apabila berjaya mencipta sebuah kereta solar yang berkonsepkan pelbagai guna dan mesra alam dalam tempoh kurang enam bulan dengan kos yang rendah, iaitu kurang daripada 50 ribu ringgit berbanding kereta solar lain.

Kereta solar yang diberi nama ‘Kilau’ dipilih mengambil semangat tokoh pahlawan di negeri Pahang iaitu Mat Kilau dengan menjadikannya sebagai peniup semangat ahli kumpulan dalam meneruskan projek sehingga berjaya.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal yang juga Pengurus Pasukan UMP Solar, Profesor Dr. Zahari Taha berkata, kumpulan ini membuat reka bentuk kereta solar daripada sifar berbekalkan pengalaman, kepakaran pensyarah UMP terutamanya dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan memberikan sentuhan inovasi terbaik sehingga kereta ini berjaya bergerak serta selamat untuk dipandu.

“Kumpulan ini juga bekerjasama dengan pakar-pakar industri bagi mengatasi cabaran yang dihadapi semasa menjalankan projek dan setiap ahli pasukan menyumbang buah fikiran dalam membentuk, membina, menguji dan berlumba menggunakan kereta berkuasa solar.

Kereta solar yang diperbuat daripada

besi dan *silicon monocrystalline* ini menggunakan empat biji tayar motosikal yang mempunyai berat hanya 350, panjangnya 5.00 meter (m), lebar 1.60 m dan tinggi 1.0 m boleh memuatkan seorang pemandu dan ia juga sangat mesra pengguna,” katanya sambil memaklumkan Kilau menggunakan sebanyak lapan biji bateri LEAD ACID dan mempunyai berat keseluruhan 40 kg.

Lebih menggembirakan pasukan ini apabila buat julung kalinya kereta solar Kilau ini berjaya merentasi benua Australia bermula dari Darwin ke Adelaide dengan melibatkan jarak sejauh 3021 km dalam menyahut cabaran Pertandingan Solar Antarabangsa “2011 Veolia World Solar Challenge” baru-baru ini.

Menurut Profesor Dr. Zahari, penyertaan ini merupakan platform menguji dan mengetengahkan hasil kajian UMP berkaitan teknologi hijau yang diaplikasi ke atas kereta solar yang dibina di samping merintis kajian yang lebih luas dalam bidang berkenaan.

Bagi pelajar yang menuntut di tahun tiga Ijazah Kejuruteraan Pembuatan, Mohammad Irfad Ibrahim yang turut berkongsi pengalaman berkata, banyak pengalaman yang ditimba terutamanya apabila mereka terpaksa berhenti di Tennat Creek akibat kebakaran hutan.

Selain itu, katanya perjalanan mereka


yang bermula dari Parliament House Darwin turut singgah di Mataranka, Renner Spring, Aileron, Cobber Peddy, Port Wakefield dan Adelaide.

Pertandingan yang diadakan setiap dua tahun dengan mengambil kira catatan pengumpulan jarak menggunakan tenaga solar tertinggi ini disertai 37 pasukan daripada kolej dan universiti dari 20 negara termasuk Malaysia yang diwakili UMP dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Penyertaan pasukan UMP Solar ke pertandingan ini berjaya meletakkan universiti ini sebaris dengan universiti terkemuka dunia dan lebih membanggakan kemampuan kereta Solar Kilau berjaya mengumpul jarak perjalanan menggunakan solar sebanyak 229 km menewaskan pasukan UNITEN Solar Ranger Team dengan jarak yang dikumpul 223 dan Green Maniac dari Korea yang bergerak menggunakan solar sebanyak 73km. Pertandingan ini dimenangi Tokai Universiti dari Jepun di tempat pertama diikuti Nuon Solar Team, Netherlands di tempat kedua dan University of Michigan, USA di tempat ketiga.

Pertandingan ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang dimensi baharu dan cara berfikir dalam melahirkan pelajar yang bersaing di peringkat global dengan membuka banyak peluang dalam menjalankan kerjasama penyelidikan serta akademik di kalangan peserta khususnya dari universiti yang terkenal dalam bidang teknologi solar terutamanya universiti dari Jepun.





## “Kilau”

Kereta solar yang diperbuat daripada besi dan *silicon monocrystalline* ini menggunakan empat biji tayar motosikal yang mempunyai berat hanya 350 kilogram, panjangnya 5 meter, lebar 1.6 meter dan tinggi 1 meter.



## UMP bantu ibu tunggal dan anak yatim tingkat kesedaran IT



Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus menyumbang kepakaran dalam membangunkan sosioekonomi dan memasyarakatkan universiti apabila berjaya meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam bidang ICT di kalangan seramai 311 ibu tunggal dan anak yatim negeri Pahang dengan penganjuran Bengkel Pengenalan Laman Sosial dan Kesedaran ICT.

Bengkel anjuran Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Persatuan Wanita UMP (Matahari) dengan kerjasama Yayasan Salam Malaysia dan MSC Pahang ini melibatkan peserta daripada Bentong, Bera, Cameron Highlands, Jerantut, Kuantan, Lipis, Maran, Mentakab, Pekan, Raub, Rompin dan Temerloh.

Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Dato' Maznah Mazlan, keperluan teknologi ini penting dalam usaha melonjakkan taraf ekonomi seterusnya memanfaatkan ilmu yang dipelajari untuk meningkatkan kemahiran diri seterusnya mengubah cara hidup dan pemikiran kepada yang lebih baik.

"Penganjuran program ini amat bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam membantu ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim untuk mempelajari penggunaan laman sosial bagi memperoleh capaian maklumat, mengetahui kebaikan dan keburukan teknologi maklumat

supaya teknologi yang ada ini tidak disalahgunakan untuk perkara-perkara yang tidak sihat," kata beliau semasa merasmikan majlis penutup bengkel di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 29 Oktober 2011 yang lalu.

Beliau menasihatkan ibu tunggal agar dapat memantau aktiviti anak-anak remaja mereka dalam menggunakan laman sosial dan mengawal diri mereka supaya tidak terjerumus dalam aktiviti negatif hasil daripada melayari laman-laman sosial yang tidak berfaedah.

"Isu-isu seperti pengodaman dan penipuan amat berleluasa di talian dan jika kita tidak memberikan maklumat yang betul akan kesan-kesannya mungkin anak-anak kita tidak menyedari bahawa mereka secara tidak langsung telah terjebak dalam gejala negatif ini," katanya.

Dato' Maznah berkata, ibu tunggal di Malaysia harus mengambil peluang dengan pelbagai program yang dilaksanakan oleh kerajaan termasuk mengambil upah bekerja di rumah.

Selain itu, katanya pihak kerajaan juga tidak memandang sepi golongan ibu tunggal ini dan mengharapkan agar kajian menyeluruh terhadap pembangunan ibu tunggal ini dapat dilaksanakan.

Manakala, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie

Zainuddin berkata, universiti sebagai kampus masyarakat turut memikul tanggungjawab sosial bagi membantu kerajaan mendekati rakyat daripada pelbagai lapisan dan golongan.

Justeru katanya, universiti telah mengenal pasti pembangunan sosioekonomi sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) yang menunjangi pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011- 2015.

Beliau berkata, sokongan berterusan daripada pihak kerajaan serta badan-badan korporat berupaya melestarian inisiatif-inisiatif yang digerakkan UMP dapat melunaskan kewajipan sosial setiap organisasi.

Peserta bengkel, Noraida Mohd Sulong, 43 dari Kuantan yang menyara enam anaknya berkata, bengkel ini dapat membantunya dalam berhubung dengan pelanggan dan rakan peniagaannya secara maya. Beliau yang sudah memiliki akaun facebook menjalankan perniagaan menjual kek lapis dan produk kecantikan lebih 15 tahun.

Hadir sama dalam majlis, Pegawai Eksekutif Kanan MSC Malaysia Negeri Pahang, Hazlina Hussin, Penyelaras Sukarelawan Yayasan Salam Malaysia Negeri Pahang, Shariman Abdul Rahman, Penasihat Persatuan Matahari, Datin Fazia Ali dan Dekan FSKKP, Profesor Madya Dr. Jasni Mohd. Zain.



## Karnival Kerjaya dan Keusahawanan tawar peluang pekerjaan

Karnival Kerjaya dan Keusahawanan (kakkUMP) anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang yang berlangsung tiga hari berakhir di Kompleks Megamall Kuantan berjaya membantu bakal graduan dan masyarakat setempat mendapatkan peluang pekerjaan yang sesuai mengikut kemahiran masing-masing.

Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia YB Senator Dato' Maznah Mazlan, "Program yang diperkenalkan kerajaan, 3P iaitu Program Penempatan Pekerjaan merupakan salah satu usaha berterusan pihak kerajaan untuk membantu memudahkan pencari kerja mendapatkan pekerjaan sekaligus dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran di negara ini."

"Pihak Kementerian menubuhkan 22 buah Pusat JobsMalaysia yang merupakan pusat sehenti bagi majikan yang memerlukan tenaga pekerja dan pencari kerja yang berdaftar dipadankan agar kekosongan pekerjaan dapat diisi dengan cepat dan mudah," katanya semasa merasmikan kakkUMP pada 15 Oktober 2011 yang lalu di ruang legar Pusat Membeli-belah Mega Mall, Kuantan.

Beliau menambah, kerajaan turut memperkenalkan Tabung Usahawan Siswazah (TUS) yang diuruskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

(MITI) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad dalam membantu golongan yang minat dalam bidang perniagaan.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, karnival ini merupakan medan pendedahan kepada pelajar, graduan dan orang ramai terhadap peluang kerjaya dan aspek-aspek penting yang berkaitan termasuklah syarat minimum, kelayakan, laluan kerjaya, insentif dan sebagainya.

Katanya, satu aspek lain yang diberi penekanan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kini ialah bidang keusahawanan dengan wujudnya komponen pembudayaan keusahawanan dalam sukatan pengajian di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Karnival yang mendapat kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa (Persis) ini menyaksikan lebih 40 syarikat turut serta menjayakan program, antaranya melibatkan Isuzu Hicom Malaysia Sdn. Bhd., Hicom Automotive Manufacturers Sdn. Bhd., Malaysia Airport (Niaga) Sdn. Bhd., Bukit Gambang Resort City, KFC Holding (M) Berhad, Latifle Sdn. Bhd. dan Rangkaian Delima Plantation Sdn. Bhd.

Selain pameran kerjaya dan keusahawanan turut diadakan temu duga terbuka, ceramah kerjaya, ceramah motivasi, pertandingan band akustik terbuka dan pertandingan mewarna bagi kanak-kanak.





**Peminat.....** Tun Dr. Mahathir Mohamad sempat menurunkan tandatangan di atas buku salah seorang peminat beliau.



**Selesai.....** Naib Canselor berjalan keluar dari dewan selepas selesai menyampaikan Wacana Strategi Naib Canselor yang membentangkan pencapaian Pelan Strategik UMP.



**Menjamu selera.....** Antara pelajar antarabangsa yang turut hadir menjayakan Malam Antarabangsa UMP 2011.



**Bertemu.....** Naib Canselor sedang berbual bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena kehadiran beliau ke UMP untuk Program Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan 2011.



**Meriah.....** Naib Canselor UMP sempat bergambar dengan staf yang mengambil bahagian dalam Program Jamuan Hari Raya Peringkat UMP.





**Bersemangat.....** sebahagian peserta yang menyertai *Taha Race* sempena Program Taha@UMP.



**Berbagai menu.....** staf UMP menikmati berbagai hidangan yang disediakan pada Jamuan Hari Raya Peringkat UMP 2011.



**Berbual.....** Naib Canselor sempat berbual dengan kanak-kanak yang membuat persembahan sempena Malam Pesta Cahaya.



**Warna-warni.....** antara kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan layang-layang sempena Festival Layang-Layang Tradisional dan Moden UMP 2011.



**Bergaya.....** Pasukan Kor Suksis UMP yang terlibat dalam Perbarisan Kehormat sempena Majlis Konvokesyen Ke-6 UMP.



**Korban.....** Program Korban Peringkat UMP yang diadakan setiap tahun sempena Hari Raya Aidil Adha.

# Klik-Klik Lensa



## UMP jalin kolaborasi amal perkongsian ICT

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkongsi kepakaran dan amalan teknologi maklumat (ICT) dengan memperkenalkan produk ICT di kalangan IPT lain termasuk Politeknik, kolej, Industri, agensi kerajaan dan swasta di Malaysia.

Langkah ini juga sebagai inisiatif UMP dalam menjayakan Program Transformasi Kerajaan atau GTP bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan dan cekap menggunakan aplikasi ICT sebagai pengupaya utama (*key enabler*).

Justeru, keutamaan diberikan kepada pembangunan dan penggunaan ICT dalam skop yang lebih luas dengan meliputi pembangunan sistem dan proses kerja yang berkualiti.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, hasil kolaborasi ini mampu menambah nilai kepada perkhidmatan ICT di organisasi masing-masing dengan memberi kebaikan dan pulangan untuk jangka masa pendek dan masa hadapan.

“UMP meletakkan ICT pada satu landasan berkonsepkan *e-Management* dalam memacu Universiti ini ke arah pengurusan dan pentadbiran elektronik dengan menekankan kepada ciri-ciri seperti automasi, dinamik, kepintaran, integrasi pangkalan data, pengurangan penggunaan kertas dan sistem aplikasi bersepadu,” katanya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Produk ICT di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 27 Oktober 2011 yang lalu.

Katanya, peranan yang dimainkan Pusat Bisnes ICT yang ditubuhkan di bawah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) baru-baru ini dijangka dapat dimanfaatkan pihak lain dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing berorientasikan (ICT) dalam pelaksanaan sistem pengurusan maklumat bersepadu yang melibatkan Sistem Maklumat Staf, Sistem Maklumat Kewangan, Sistem Maklumat Pelajar, Sistem Maklumat Korporat dan Sistem Maklumat Penyelidikan.

Beliau juga mengharapkan inisiatif ini akan dapat merealisasikan hasrat universiti bagi menjana pendapatan universiti selaras dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dalam kelestarian kewangan.

Sementara itu, menurut Pengarah PTMK yang juga Pengarah Urusan Pusat Bisnes ICT, Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd, pihaknya menawarkan khidmat konsultansi dan produk ICT lain termasuk perkhidmatan reka bentuk, koding, integrasi sistem, pembudayaan, perancangan ICT, latihan kepakaran dan program khidmat nasihat ICT.

Katanya, pihaknya juga memberi perkhidmatan kepada organisasi luar melibatkan IPT, pusat latihan dan agensi kerajaan dalam menjayakan konsep ‘*outsourcing*’ yang diperkenalkan Kerajaan.

UMP pernah dianugerahkan Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (2003), Pikom Computimes ICT Awards dan MSC APICTA dalam pengamalan konsep *e-Management*.

Ini jelas terbukti apabila UMP kekal berada pada status lima bintang dalam penarafan MyMohes iaitu Sistem Pengurusan Data Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang meletakkan universiti ini pada kedudukan pertama keseluruhan IPTA di Malaysia.



## UMP peneraju ICoE dalam bidang Acuan Tekap dan Sistem Suspensi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) diumumkan sebagai peneraju pusat kecemerlangan industri (ICoE) acuan tekap (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. dan Pembangunan Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad.

Pengumuman ini dibuat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Hou Kok Chung yang merasmikan empat ICoE Kementerian Pengajian Tinggi di Hotel Marriott Putrajaya pada 9 Disember 2011 yang lalu.

Selain UMP, turut diumumkan ICoE Teknologi Proses Permulaan-Reka bentuk dan Fabrikasi Wafer melibatkan kerjasama antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan Infineon Technologies Kulim dan ICoE Pemasangan dan Pengujian Produk, Pembangunan Teknologi Pembungkusan dan Kejuruteraan Aplikasi untuk Proses Hiliran melibatkan Infineon Technologies Melaka dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai peneraju.

Menurut Dato' Dr. Hou, penubuhan pusat ini seiring dengan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi dalam memacu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) agar sentiasa berdaya saing dalam bidang akademik, penyelidikan dan sumber manusia sama ada di peringkat

kebangsaan atau antarabangsa.

"Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) merupakan modus operandi yang dapat mengukuhkan lagi hubungan universiti industri selain daripada polisi dan amalan terbaik sedia ada masa ini.

"ICoE terdiri daripada sebuah industri utama dan sebuah universiti menerajui sebuah ICoE yang disokong jaringan pembekal industri bagi menjamin kelestarian kerjasama ini," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran ICoE.

Beliau berkata, bagi menjayakan ICoE, KPT memfokuskan tiga sektor ekonomi yang merupakan penyumbang tertinggi kepada ekonomi Malaysia iaitu sektor elektrik dan elektronik (E&E), automotif dan kimia.

"Misalnya, pada tahun 2009 sahaja sektor E&E menyumbang enam peratus daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia, menjana 522,000 pekerjaan dan menyumbang 41 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia."

Namun katanya, cabaran hebat berdepan persaingan daripada Negara China, Taiwan, Singapura dan negara Asia lain dalam menguasai aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi dalam penyelidikan dan

pembangunan (R&D), reka bentuk dan perkilangan menyebabkan peratusan E&E di Malaysia menurun sejak 10 tahun lalu.

Dato' Dr. Hou berkata, pembangunan ICoE ini adalah serampang dua mata Kementerian dalam membantu memperkukuhkan jaringan hubungan universiti dan industri dengan lebih mantap melalui hasil penyelidikan serta pembangunan modal insan mengikut kehendak industri semasa.

Sementara itu, menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, UMP menerusi Pusat Kecemerlangan Automotif (EAC) bekerjasama dengan pihak Sapura dalam membangunkan program pengujian peralatan, projek penyelidikan dan pembangunan modal insan melibatkan staf syarikat berkenaan.

Selain itu, kerjasama dengan pihak Miyazu pula merangkumi ceramah industri, projek penyelidikan acuan tekap, panel penilaian industri di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan pertukaran staf serta pelajar dalam program *apprentis*.

Beliau amat berharap kerjasama ini akan lebih memacu kecemerlangan UMP selaras dengan hasrat untuk menjadi Universiti Teknologi Bertaraf Dunia.



# Hari Inovasi

suburkan budaya kerja cemerlang

Penganjuran Sambutan Hari Inovasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah satu inisiatif yang sangat bermakna dalam agenda pemerkasaan sistem penyampaian perkhidmatan dan penyuburan budaya kerja cemerlang di kalangan warga kerja (UMP).

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, menghampiri genap sepuluh tahun usia penubuhan UMP pada 16 Februari 2012 yang akan datang, universiti berhadapan dengan cabaran untuk melaksanakan dan menjayakan agenda perdana iaitu Pelan Strategik UMP 2011-2015.

"Penggembleran minda dan tenaga warga UMP sewajarnya ditangani melalui pendekatan yang melangkaui kelaziman, iaitu inovatif dan tidak stereotaip. Pembudayaan inovasi tidaklah terhad kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan di kalangan akademia

semata-mata, tetapi bersifat menyeluruh yang merangkumi warga pengurus, pentadbir dan pelaksana serta mahasiswa secara keseluruhannya," katanya semasa berucap merasmikan sambutan Hari Inovasi UMP di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 15 Disember 2011 yang lalu.

Katanya, Belanjawan 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak baru-baru ini juga memberi tumpuan terhadap mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi, program transformasi luar bandar, memperkeap perkhidmatan awam serta meredakan inflasi dan mengimarahkan kesejahteraan rakyat.

Dato' Daing berkata, memahami hasrat yang dizahirkan ini, maka aspek inovasi berterusan dalam konteks transformasi dan anjakan paradigma

merupakan antara pendekatan penting bagi memaknakan Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang menuntut kerangka pemikiran positif, citra proaktif dan niat yang jernih dalam kalangan warga universiti ini.

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hassan selaku pengurus program berkata, bersempena sambutan kali ini pelbagai program menyemarakkan inovasi diadakan termasuklah Pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) anjuran Jabatan Pendaftar.

Begitu juga penganjuran program Bicara Inovasi yang disampaikan Yang di-Pertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (Kuala Lumpur), Dato' Syed Amin Al-Jeffri, Kursus Persekitaran Berkualiti, Ceramah Kesihatan dan Kesedaran Kanser Servik serta Taklimat Skim Saraan Baharu Perkhidmatan Awam.

***"Penggembleran minda dan tenaga warga UMP sewajarnya ditangani melalui pendekatan yang melangkaui kelaziman, iaitu inovatif dan tidak stereotaip. Pembudayaan inovasi tidaklah terhad kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan di kalangan akademia semata-mata, tetapi bersifat menyeluruh yang merangkumi warga pengurus, pentadbir dan pelaksana serta mahasiswa secara keseluruhannya."***

- Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim



Katanya, turut diadakan gerai dan pameran di antaranya melibatkan Koperasi UMP Berhad, Pusat Kesihatan Pelajar, Badan Produktiviti Malaysia, Badan Kebajikan dan Sukan Staf, Persatuan Wanita UMP (Matahari), Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dan InSmartive Club.

Dalam majlis yang sama, Dato' Daing menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan poster inovasi terbaik yang dimenangi Noraniza Samat dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), tempat kedua Che Noorainisal Che Noddin dari Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) dan Mohd. Esuadi Mustafa dari Perpustakaan di tempat ketiga.

Bagi kategori poster inovasi di peringkat jabatan dimenangi Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan tempat kedua dan ketiga milik FSKKP. Manakala bagi Pertandingan K-Portal terbaik dianugerahkan kepada PTKM.

Selain itu, turut dipertandingkan hadiah persekitaran berkualiti (Amalan 5S) bagi kategori juruaudit terbaik dimenangi Abdul Razak Abd. Hamid, Eriena Kamarozaman dan Amelia Hassan. Kategori pusat tanggungjawab terbaik pula dimenangi Pusat Kesihatan Pelajar,


Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) dan PTKM.

Sementara itu, pemenang kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) terbaik yang membawa pulang hadiah wang tunai tiga ribu ringgit dimenangi kumpulan D'Optimis dari Jabatan Pendaftar dengan projek mempercepatkan proses permohonan pelanjutan pas pegawai dagang UMP.

Tempat kedua dimenangi kumpulan NetIG dari PTKM membawa pulang wang tunai dua ribu ringgit dengan memperkenalkan sistem menerima laporan kerosakan yang dihantar menggunakan sistem pesanan ringkas.

Manakala kumpulan Paradigma dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) menang tempat ketiga dengan hadiah seribu ringgit berjaya memperkenalkan sistem pengurusan makmal dengan berkesan serta menjimatkan masa dan mengurangkan risiko kehilangan barang dan peralatan makmal.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Sumber Manusia Kementerian Pengajian Tinggi, Adek Ahmad Abdul Manaf dan Pendaftar Tuan Haji Mustafa Ibrahim.



# 5,000 warga UMP sambut Hari Raya Aidilfitri

Lebih 5,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Universiti dalam suasana yang cukup meriah di hadapan Kompleks Sukan UMP pada 20 September 2011 yang lalu.

Sebanyak 21 gerai disediakan mengikut jabatan yang menyediakan pelbagai juadah istimewa seperti menu nasi minyak disediakan Jabatan Pendaftar, nasi kerabu bagi Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, sup dan roti disediakan oleh Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), lemang dan rendang pula disediakan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Menu sate yang disediakan Pejabat Naib Canselor (PNC), Bahagian Audit dan Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) turut mendapat sambutan.

Lain-lain menu yang disediakan termasuklah nasi impit, lontong, laksa Pahang, soto dan beraneka air dan kuih muih.

Majlis yang berkonsepkan gerai terbuka ini dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam ucapannya, beliau mengharapkan majlis ini dapat mengeratkan hubungan antara warga universiti dan memeriahkan sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini di samping warga UMP terus berusaha memacu kecemerlangan universiti.

Menurut beliau, menariknya dalam majlis ini turut diadakan pertandingan gerai tertanting dan paling kreatif bertemakan suasana hari raya. Pemenang dinilai berdasarkan kreativiti, kekemasan, kerjasama, kebersihan dan keceriaan dalam membuat reka bentuk gerai.

Juara gerai terbaik dimenangi Pusat Kesihatan dan Bahagian Keselamatan yang menyediakan menu puding dan agar-agar. Tempat kedua pula dimenangi Jabatan Pendaftar diikuti Jabatan Bendahari di tempat ketiga.

Manakala tempat keempat dan kelima pula dimenangi Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad).

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hassan dan ketua-ketua jabatan.







**1,000**  
pengunjung tingkat  
kesedaran pendermaan  
organ



Hampir 1,000 pengunjung tidak melepaskan peluang hadir mendapatkan informasi dan memeriahkan sambutan Minggu Pendermaan Organ Peringkat Negeri Pahang 2011 anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dengan Kerjasama Pusat Kesihatan Pelajar, Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 19 Oktober 2011 yang lalu.

Sambutan bertemakan “1 Malaysia 1 Harapan: Dermalah Organ Demi Sebuah Kehidupan” ini diadakan bersempena Minggu Kesedaran Pendermaan Organ dan tisu yang dirai mulai 16 hingga 24 Oktober setiap tahun di Malaysia.

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Dr. Nooraini Baba berkata, program ini dapat mempromosi dan mendedahkan masyarakat Malaysia khususnya rakyat negeri Pahang tentang pengertian sebenar pendermaan organ dan tisu.

Keperluan pendermaan organ dalam negara semakin meningkat setiap tahun, namun kesedaran masyarakat berkaitan pendermaan organ masih belum meluas. Justeru, pihaknya mengadakan promosi untuk menggalakkan lebih ramai rakyat untuk tampil mendaftar sebagai penderma melalui penubuhan jawatankuasa Transplantasi Pendermaan Organ mahupun promosi melalui media massa.

“Hasil dari promosi ini, terdapat peningkatan jumlah di negeri Pahang iaitu seramai 1,086 (83.3%) berbanding 708 pengikrar pada tahun lalu.

“Penderma juga digalakkan menderma organ melalui pendermaan kadaverik iaitu pendermaan daripada individu yang disahkan mati otak.

“Individu yang disahkan mati otak boleh menderma semua organ dan tisu yang terdiri dari buah pinggang, jantung, paru-paru hati, kornea mata, tulang dan kulit,” katanya semasa merasmikan Sambutan Minggu Pendermaan Organ Peringkat Negeri Pahang 2011 bertempat di Dewan Astaka, UMP.

Katanya lagi, komitmen sebagai pengikrar dapat memberi

harapan kepada insan-insan yang menanti pemindahan organ untuk meneruskan kehidupan mereka.

Manakala Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hassan yang mewakili Naib Canselor berkata, UMP menyedari tanggungjawab sosial korporatnya terhadap masyarakat setempat dengan menyokong program ini.

“Semangat sukarelawan dan dermawan individu yang tampil sebagai pengikrar adalah amalan murni dan mulia,” ujar beliau.

Malah beliau turut mengharapkan kerjasama sebegini dapat diperluaskan dengan meneroka lain-lain bidang memandangkan UMP juga mempunyai kepakaran tertentu yang boleh menyumbang kepada daya saing bersama untuk dimanfaatkan masyarakat setempat.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Ayuni Mohammad, 19 berkata, melalui forum yang turut membincangkan mengenai pendermaan organ ini bersama pihak Majlis Fatwa Kebangsaan dapat memberi peluang kepada beliau dan rakan-rakan mendapatkan informasi secara terus mengenai derma organ ini.

Beliau berharap dapat berbakti kepada insan yang memerlukan suatu hari nanti.

Selain forum bertajuk “Anugerah Kehidupan” turut diadakan pertandingan penulisan esei, derma darah dan pengujung juga berpeluang memeriksa tahap kesihatan dan panduan pemakanan di tapak pameran. Majlis sambutan ini juga berjaya menerima seramai 88 orang pengikrar derma organ yang baharu mendaftar.

Hadir sama memeriahkan program ini, Ketua Polis Pahang, SAC Datuk Sharifuddin Abd Ghani, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Ketua Pusat Kesihatan Pelajar UMP, Dr. Khairul Salleh Abdul Basit.





## NC adakan kunjungan hormat kepada Panglima Tentera Udara

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim telah membuat kunjungan hormat kepada Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Rodzali Daud di Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) pada 23 Ogos 2011 yang lalu.

Kunjungan hormat itu adalah untuk membincangkan cadangan penubuhan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Udara di UMP.

Pada masa ini, UMP hanya mempunyai PALAPES Laut selain dari Kor SUKSIS (Sukarelawan Siswa/Siswi Polis) dan Kor SISPA (Siswa Pertahanan Awam) yang telah ditubuhkan sebelum ini.

Perbincangan di antara kedua belah pihak menunjukkan reaksi yang positif di mana satu perbincangan susulan akan diadakan oleh

kedua-dua belah pihak untuk merealisasikan penubuhan PALAPES Udara di UMP.

Sementara itu pada 5 Oktober 2011 yang lalu, Asistan Ketua Staf Tadbir Tentera Udara Malaysia, Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Mohd Noh Mohd Said telah membuat kunjungan balas ke UMP untuk membincangkan dengan lebih terperinci penubuhan PALAPES Udara di UMP.

Turut hadir dalam perbincangan berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Pusat Kokurikulum, Ramle Abid.

Dalam perbincangan berkenaan, kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk merealisasikan penubuhan Palapes Udara di UMP.



## UMP, Kedutaan Besar Yemen eratkan hubungan dua hala

Menyedari kepentingan hubungan diplomatik di antara Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan Kedutaan Besar Yemen, satu perjanjian dimetrai kedua-dua pihak dalam memaknakan hubungan dua hala yang sedia terjalin melibatkan Malaysia dan Yemen.

Majlis menandatangani kerjasama (MoU) menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Profesor Dr. Badhrulhisham Abd Aziz mewakili UMP, manakala pihak Kedutaan Besar Yemen diwakili Dutanya, H.E Abdulla Al-Montaser dan Kaunselor Kebudayaan, Eqbal Al-Alas pada 16 November 2011 yang lalu di Kedutaan Besar Yemen di Kuala Lumpur.

Hadir sama Timbalan Kaunselor Kebudayaan, Dr. Adnan Al-Sanoy, Penolong Kaunselor Kebudayaan, Mokhtar Al-Maari, Kaunselor, Abdullah Al-Jaboby dan Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Dr. Norlidah Al-Qadri.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, bidang kerjasama

ini penting terutamanya dalam mempromosikan UMP sebagai salah satu destinasi pilihan pelajar tajaan kerajaan Yemen bagi menyambung pengajian di UMP.

"Pada masa ini, terdapat seramai enam orang pelajar pascasiswazah yang berasal dari negara itu yang menyambung pengajian di peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran di UMP.

"Inisiatif ini juga menggalakkan penyelidikan bersama antara UMP dan universiti, institusi dan industri dari Yemen dalam pemindahan pengetahuan baharu, teknologi dan kemahiran.

"Kerjasama ini memberi peluang kepada kedua-dua pihak dalam meneroka kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan termasuklah keperluan profesor pelawat, penasihat luar, kajian penyelidikan, latihan industri dan pertukaran staf serta mobiliti pelajar," kata beliau.

Jelasnya, hubungan kerjasama ini juga sebagai usaha memartabatkan kecemerlangan pendidikan dan menjadikan UMP hab pendidikan serantau.



## UMP jalin kerjasama strategik dengan USU dan AMIK Tunas Bangsa



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) yang merupakan pemangkin bagi menambah nilai kepada hubungan strategik UMP dengan Universitas Sumatera Utara (USU) di samping memaknakan hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia.

Majlis yang diadakan bersempena dengan Seminar Nasional dan Lokakarya Kurikulum Bidang Komputer pada 21 September 2011 yang lalu di Medan, Indonesia menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Profesor Madya Dr. Jasni Mohd. Zain mewakili UMP.

Manakala Dekan Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam, Dr. Sutarman dan Ketua Program Studi Magister Teknik Informatika, Profesor Muhammad Zarlis mewakili USU.

Dato' Dr. Daing Nasir dalam ucapannya berkata, kerjasama ini penting dalam konteks penajajaran UMP di arena serantau dan antarabangsa.

Katanya, dalam konteks pelaksanaan

Pelan Strategik UMP 2011-2015, kerjasama antarabangsa seumpama ini membolehkan UMP meneroka peluang baharu dalam pelbagai bidang dengan mendekati rakan-rakan kongsi yang berpotensi.

"Dengan termeterainya persefahaman ini UMP melalui FSKKP, USU dan AMIK Tunas Bangsa akan dapat memperoleh manfaat yang tidak sedikit melalui penyelidikan, latihan staf serta pertukaran penyarahan, mahasiswa, bahan ilmiah dan kurikulum.

"Perkongsian pintar ini dapat diperluaskan lagi sekiranya lebih ramai staf akademik dan juga mahasiswa dapat dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti kerjasama yang dirancang untuk memaknakan perkongsian pintar ini," katanya.

Beliau mengalu-alukan mana-mana staf akademik USU atau AMIK Tunas Bangsa untuk mengikuti program-program pascasiswazah yang ditawarkan UMP.

Rektor USU, Profesor Dr. Syahril Pasaribu pula berkata, USU menghargai kerjasama holistik ini dengan membuka ruang yang luas bagi mengakomodasi pemahaman antara institusi ini secara bersama.

"Dengan kepakaran dan sumber yang

dimiliki kedua-dua pihak, saya yakin jalinan kerjasama yang kukuh dapat dijalankan," katanya dalam pertemuan selepas majlis menandatangani MoU di Pusat Administrasi USU Kampus USU Medan.

Dalam majlis itu, Profesor Madya Dr. Jasni turut berpeluang menyampaikan Syarahan Umum mengenai Tajuk "Pembahasan Kurikulum Bidang Komputer dan Teknologi 'Cloud Computing' dalam menghadapi persaingan Global: Kajian di Malaysia" kepada seramai 200 pelajar USU.

Manakala dalam majlis yang berlainan, menyaksikan UMP memetriai MoU dengan AMIK Tunas Bangsa yang diwakili Direktornya, Deddy Hartama dan Ketua Yayasan Muhammad Nasir, H.M.A Ridwansyah Putra di Dewan Konvensyen Hotel Siantar di Permatang Siantar.

Majlis yang diadakan sempena Minggu Orientasi Pelajar Baharu ini dihadiri seramai 500 pelajar. Hadir sama Mohd. Asri Serendan yang mewakili Kepala Polisi Resort Kotamadya Permatang Siantar. Tetamu turut dipersembahkan dengan Tarian Kebudayaan Batak Simalongun Tor Tor Somba sebagai meraikan kunjungan delegasi dari Malaysia.



## UMP, HP dan TEL jalin kerjasama tingkat penguasaan bidang perisian

Dalam meningkatkan keupayaan menghasilkan graduan yang lebih berdaya saing bagi memenuhi permintaan pasaran kerja, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKK) menjalinkan kerjasama dengan Hewlett-Packard (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Technology Education Leader Sdn. Bhd. pada 14 November 2011 yang lalu.

Majlis bersejarah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan FSKKP, Profesor Madya Dr. Jasni Mohamed Zain mewakili UMP.

Hewlett-Packard (Malaysia) Sdn. Bhd. diwakili Pengarah HP Software Education, Yeow Cheng Lian dan Pengurus (Negara Asia), Tan Soon Leong manakala Technology Education Leader Sdn. Bhd. (TEL) diwakili Pengerusinya Datuk Ibrahim Thamby Chik dan Ketua Pegawai Eksekutif TEL, Datin Zaharah Dato' Jelani.

Dato' Daing berkata, kerjasama ini bermula menerusi program kerjasama strategik FSKKP dengan Malaysia Software Testing Board (MTSB) baru-baru ini.

"Menerusi jalinan kerjasama dengan MTSB, UMP menerima pakai silibus bagi melayakkan pelajar mendapat Sijil Kelayakan Pengujian Tahap Asas (CTFL) oleh Lembaga Pengujian Kelayakan Perisian dalam kursus Pengujian Perisian dan Penyelenggaraan yang ditawarkan.

Buat pemulaan, seramai 46 pelajar tahun akhir jurusan kejuruteraan perisian mulai sesi akademik 2011/2012 tahun ini akan memulakan program ini.

"Program ini akan memberi pendedahan kepada pelajar untuk menggunakan perisian HP mengikut standard dalam pasaran memandangkan pada masa ini banyak syarikat menggunakan perisian HP untuk proses pembangunan dan penyelenggaraan sistem mereka," katanya semasa berucap di majlis menandatangani MoU di Dewan Bankuet Canseleri.

Selain itu, ianya juga dapat membantu mengembangkan industri perisian dalam negara dengan melahirkan tenaga kerja profesional yang diiktiraf antarabangsa.

Katanya, pengujian perisian merupakan suatu bidang teknologi maklumat dan dengan adanya dasar-dasar

kerajaan termasuklah insentif pelaburan dan kemudahan bertaraf dunia pastinya menyokong usaha dalam menjadikan Malaysia menjadi pemain utama dalam pasaran pengujian perisian pada masa akan datang.

Sementara itu, Yeow Cheng berkata pihak HP yang mempunyai sistem yang terbaik di dunia yang menyokong penuh hasrat universiti dalam merealisasikan budaya kecemerlangan bagi menghasilkan kalangan teknologis yang pakar di negara ini.

Kerjasama melibatkan TEL yang dilantik pihak HP Software Education ini akan menyelaras semua aktiviti di universiti di Malaysia bagi memperkenalkan program latihan HP.

Sementara itu, Pengerusi TEL Datuk Ibrahim berkata program sebegini kini mempunyai seramai 150 orang telah dilatih bagi memenuhi peluang pekerjaan sebagai jurutera pengujian mahupun pengaturcara yang terlatih. Strategi dan inisiatif UMP ini dilihat mampu menjayakan hasrat Kerajaan dalam membangunkan ekosistem yang mampan dalam bidang perisian ini.



# UMP Holdings, SME Bank meterai perjanjian pembiayaan hartanah

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi anak syarikatnya, UMP Holdings Sdn. Bhd. memeterai perjanjian dalam pembelian tapak terakhir kampus UMP Gambang milik Unique Reflection Sdn. Bhd. (kini dikenali sebagai Malaysian Solar Resources Sdn. Bhd.) dengan pembiayaan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana (M) Berhad (SME Bank Berhad) berjumlah RM72 juta dengan tempoh bayaran balik selama 10 tahun.

Pembelian ini membabitkan bangunan Canseleri, Perpustakaan, Kompleks Sukan, dewan dan bilik kuliah. Ini termasuklah makmal Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, Pusat Ko-kurikulum, Pusat Kesihatan, gelanggang sukan dan padang bola.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut melibatkan Pengerusi UMPH, Dato' Sri Aziz Abdul Rahman dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim mewakili UMP manakala pihak SME Bank diwakili Pengarah Enterprise Banking, Kamaluddin Ismail dan Pengarah Pengurusan Strategik, Mohd. Rizal Mohd. Jaafar telah diadakan di SME Bank, Kuala Lumpur pada 4 November 2011 yang lalu.

Hadir menyaksikan majlis bersejarah ini, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah, Pengarah Urusan SME Bank, Datuk Mohd. Radzif Muhd. Yunus dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Hilmey Mohd. Taib.

Semasa menyampaikan ucapan, Dato' Sri Aziz berkata, keperluan ruang kian mendesak bagi menampung peningkatan bilangan pelajar dan pada masa ini kampus UMP Gambang akan terus beroperasi dengan jangkaan mengekalkan dua fakultinya iaitu Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dan Fakulti Sains & Teknologi Industri, pusat kecemerlangan dan program pengajian diploma.

"Pembelian hartanah ini memperlihatkan keupayaan UMPH sebagai 'investment arm' UMP dalam mengeluarkan modal sendiri untuk membayar 'earnest money' berjumlah RM3 juta iaitu sebahagian daripada deposit pembelian hartanah itu," katanya.

Dengan pengambilalihan hartanah fasa 2 ini UMP Holdings Sdn. Bhd. kini memiliki hartanah yang berkeluasan berjumlah 45.9 hektar dengan nilai perolehan bernilai RM236.5 juta. Sekaligus, merealisasikan hasrat kerajaan agar institusi pengajian tinggi (IPT) dapat menjana 30 peratus pendapatan sendiri.

Manakala menurut Datuk Mohd. Radzif, Kerajaan telah

memperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi Program Pembangunan Keusahawanan Graduan bagi menggalakkan lebih ramai lepasan universiti menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Pihaknya bersedia membantu rangkaian usahawan yang menyediakan produk dan perkhidmatan dengan pihak UMP ataupun usahawan yang dipupuk melalui program-program di bawah UMP Holdings.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir menghargai kerjasama pihak SME Bank yang dapat menyumbangkan dana sebanyak RM50,000 bagi Tabung Amanah Keusahawanan Siswa bagi membantu pelajar dalam aktiviti keusahawanan di kampus.

Katanya, beliau berbangga dengan usaha UMPH yang bukan sahaja menumpukan pembangunan Kampus UMP Gambang, tetapi turut memberi perhatian kepada perkembangan keperluan pembangunan Kampus Induk UMP Pekan yang bercadang melaksanakan pembangunan bersepadu termasuk menyediakan kediaman pelajar.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah UMP, Datuk Aishah Shaikh Ahmad, Pengurus UMP Holdings Sdn. Bhd, Nasiruddin Nasrun, Pengarah Malaysia Solar Resources, Ong Ah Kwa, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari UMP, Zainuddin Othman dan Pengarah Pusat Keusahawanan, Dr. Omar Jamaludin.





## D'Optimis dari Jabatan Pendaftar juara KIK

Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat kali ketiganya telah berjaya menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) peringkat UMP pada 8 Disember 2011 bertempat di Dewan Astaka, UMP.

Sebanyak 11 kumpulan yang mengambil bahagian mewakili Pusat-pusat Tanggungjawab (PT) masing-masing telah berentap pada konvensyen berkenaan. Kumpulan yang terlibat adalah Savemore Team, Ichiban dan Paradigma (Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik), Regstar dan D'Optimis (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar), NetIG dan BAPM – Kaizen (Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi), Synergy II (Jabatan Penyelidikan & Inovasi), Prodigy (Jabatan Perpustakaan), BMW (Pejabat Naib Canselor) dan KIK-M (Pembangunan & Pengurusan Harta).

Kumpulan D'Optimis dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar telah dinobatkan sebagai juara dengan tajuk projek "Mempercepatkan Proses Permohonan Pelanjutan Pas Pegawai Dagang di UMP", berjaya membawa

pulung wang tunai sebanyak RM3,000, sijil penyertaan, piala pusingan dan cenderahati iringan.

Menurut Ketua Kumpulan D'Optimis, Lily Azwati Abd Latip, projek itu bermatlamat untuk mewujudkan satu sistem rekod, dokumen dan data Pegawai Dagang yang tersusun dan sistematik, penyampaian maklumat yang berkesan serta memberi perkhidmatan yang baik kepada Pegawai Dagang di UMP.

"Projek ini juga telah berjaya mencapai kehendak Piagam Pelanggan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan memberi impak positif kepada pengurusan Pegawai Dagang di UMP," katanya.

Manakala tempat kedua pula dimenangi Kumpulan NetIG yang mewakili Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) telah menerima wang tunai sebanyak RM2,000 berserta sijil dengan tajuk projek *SMS Task Report Alert*.

Fokus projek kumpulan ini adalah penambahbaikan sistem penerimaan aduan kerosakan teknikal dengan memperkenalkan penggunaan aplikasi *Yahoo Mobile Messenger* untuk menghantar

aduan-aduan ke telefon bimbit staf teknikal PTMK.

Sistem ini ternyata dapat meningkatkan tempoh masa penyelesaian aduan yang diterima oleh pihak berkenaan.

Kumpulan Paradigma dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) pula mendapat tempat ketiga yang membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000 berserta sijil dengan projek *FKEE Smart Lab Monitoring System*.

Kumpulan ini telah berjaya mereka cipta sistem pengurusan makmal yang cekap, dapat menjamin keselamatan makmal dan seterusnya membantu mengurangkan risiko kehilangan peralatan makmal.

Konvensyen kali ini dihakimi oleh barisan juri yang terdiri daripada pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Pantai Timur, Majlis Perbandaran Kuantan dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Shah Alam.

Sekalung tahniah diucapkan kepada kumpulan yang berjaya dan syabas kepada kumpulan yang kurang bernasib baik di atas kesungguhan dan komited menyertai konvensyen kali ini.



## UMP terima wang zakat RM30,000 bantu pelajar miskin

Universiti Malaysia Pahang (UMP) amat menghargai keprihatinan pihak Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dalam melunaskan kewajipan sosial korporatnya dengan menyalurkan sumbangan zakat untuk dimanfaatkan oleh para asnaf dari kalangan warga mahasiswa yang memerlukan di universiti ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, dengan populasi mahasiswa yang kini melebihi 7,000 orang di kedua-dua kampus, iaitu di Gambang dan Pekan, UMP berdepan cabaran untuk menguruskan kebajikan dan kesejahteraan mereka.

"Komitmen pihak swasta dan korporat yang dizahirkan oleh BIMB ini amat membantu pihak pengurusan UMP dalam memastikan keperluan asas para mahasiswanya terjaga, apatah lagi dalam menghadapi musim peperiksaan akhir semester yang akan bermula pada 3 Januari 2012 yang akan datang ini.

"Selaras dengan aspirasi universiti ini untuk menjadi Universiti Teknologi Pilihan Utama menjelang tahun 2015, pengambilan penuntut tempatan dan antarabangsa terus dipergiat tanpa mengkompromi kualiti calon-calon dari pelbagai saluran yang telah dikenal pasti," katanya semasa berucap di Majlis Penyerahan Zakat BIMB di Dewan Bankueta UMP Gambang pada 28 Disember 2011 yang lalu.

Justeru, katanya tidak dapat dinafikan bahawa segelintir mahasiswa universiti ini datang dari keluarga yang berpendapatan rendah menghadapi kesukaran untuk menangani kos sara hidup yang mungkin sedikit tinggi di kampus.

Menurut Dato' Daing, walaupun kebanyakan mahasiswa ini menerima pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), namun terdapat kes-kes di mana para mahasiswa yang datang dari keluarga miskin atau berpendapatan rendah mengirim pula wang pinjaman PTPTN ini kepada keluarga mereka.

Katanya, keadaan ini menyebabkan mahasiswa ini berhadapan dengan masalah kewangan untuk menyara kos pengajian dan makan minum, yang seterusnya mengakibatkan sesetengah dari kalangan mereka merasa tertekan, hilang motivasi dan rendah diri (*inferiority complex*).

Walaupun bagaimanapun, keadaan ini tidak akan menghalang pihak pengurusan UMP untuk terus mencari jalan bagi membantu meringankan beban mereka dalam keupayaan sedia ada agar tidak menjejaskan prestasi akademik mahasiswa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi BIMB, Dato' Norasni Ayob berkata, Bank Islam secara berterusan menekankan kepentingan

untuk mencapai keseimbangan terutama mewujudkan nilai-nilai murni kepada semua pemegang kepentingannya.

Lantas katanya, Bank Islam tidak hanya memfokuskan aktiviti-aktivitinya kepada yang menjana keuntungan material semata-mata, tetapi turut memberi keseimbangan daripada segi pengisian kerohanian, merapatkan ukhuwwah dan juga aspek pembangunan sosioekonomi.

"Sebelum ini, Bank Islam menguruskan sendiri pemberian zakat kepada pelajar tetapi kini pihak bank menyerahkan terus kepada tabung kebajikan universiti kerana pihak universiti lebih tahu dan dapat mengenal pasti pelajar yang lebih layak menerima bantuan ini," katanya.

Katanya, pihaknya juga memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta wang zakat pendidikan untuk diagihkan kepada semua pelajar-pelajar miskin di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Majlis turut menyaksikan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin menerima replika cek Bank Islam berjumlah 30 ribu yang disampaikan Ketua Wilayah Timur, Wan Rosita Wan Mohamed untuk diagihkan kepada mahasiswa yang memerlukan bantuan.

Turut hadir Penolong Pengurus Besar Pengurusan Tunai, Norhuda Idrus, Pengurus Perhubungan Pengurusan Tunai Wilayah Timur, Syed Ahmad Kamir Syed Khairuddin, Pengurus Cawangan Kuantan, Dato' Hj Abd Manan Talib, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Bendahari UMP, Zainuddin Othman dan Pendaftar Tuan Haji Mustafa Ibrahim.



## Warga UMP sumbang **16,865.85** bantu mangsa kemanusiaan Somalia

Krisis kebuluran dan bencana yang menimpa rakyat Somalia mendapat perhatian warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila sejumlah RM 16,865.85 berjaya dikumpul hasil sumbangan daripada warga UMP.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, sumbangan tersebut adalah atas dasar keprihatinan warga UMP terhadap bencana ini.

"Saya turut berbangga dengan komitmen warga universiti dalam sama-sama menyumbang untuk meringankan beban terhadap mangsa kemanusiaan Somalia ini," katanya semasa menyampaikan mock cek kepada Pengurus Jualan NSTP Cawangan Pantai Timur, Fauzi Abdul Hamid pada 28 Disember 2011 yang lalu.

Hadir menyaksikan serahan sumbangan, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.



# Muhammad Azli juara Sayembara Puisi Merdeka Ke-54

Seramai sembilan pemenang Sayembara Puisi Merdeka ke-54 Peringkat Universiti Malaysia Pahang (UMP) dirai dalam program “Moh Berpuisi” anjuran Jabatan Pendaftar bertempat di Dewan Astaka pada 22 Disember 2011 yang lalu.

Mereka yang menang terdiri daripada Muhammad Azli Shukri dari Penerbit UMP dengan tajuk puisi “Kemerdekaan Yang Terhutang”, Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Munira Abdul Razak dengan ciptaan puisi bertajuk “Makna Merdeka” dan “Merdekakah Kita?”, daripada Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Azizan Ramli dengan tajuk “Anak-Anak Pagi” dan Julia Ibrahim dari Jabatan Pendaftar dengan tajuk “Kerajaan Perdamaian”.

Bagi kategori siswa pula, pelajar FKKSA, Mohamad Syafiq Abd Wahab dengan tajuk puisi “Tirai Sejarah Semalam”, pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Nur Nasih Shadan dengan tajuk puisi “Tikar Mengkuang” dan “Rintihan Ibu Pertiwi” ciptaan Nurbaity Ismail dari FKKSA.

Turut berjaya, Mohd Hanafi Shaari pelajar FKKSA dengan tajuk “Aku Dan Merdeka” dan Zainab A. Malik dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dengan tajuk “Perjuangan Perlu Diteruskan”.

Menurut Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim, sayembara ini bertujuan memberi peluang kepada warga universiti untuk menghasilkan bait-bait puisi tentang sejarah bangsa dan semangat cintakan negara menjelang sambutan bulan kemerdekaan negara.

“Usaha ini juga diharap dapat menambah kesedaran di kalangan warga UMP tentang kemerdekaan yang bukan sekadar bebas penjajahan fizikal malah mencakupi spiritual dan mental,” kata beliau semasa hadir merasmikan program “Moh Berpuisi”.

Beliau turut mendeklamasikan sajak bertajuk “Kerajaan Perdamaian” hasil karya Julia Ibrahim.

Menyerikan majlis, persembahan puisi daripada para pemenang serta dua orang siswi bukan Melayu dari Fakulti Teknologi (FT), iaitu Beh Yi Wen dan Peggy Nadia Tiun sebagai deklamator jemputan dan lagu selingan bertajuk “Bahtera Merdeka” nyanyian pelajar dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Shafiza Shadon menambah ceria suasana.

Puisi-puisi yang dipertandingkan dinilai oleh panel pemilih bebas yang terdiri daripada Datuk Baharuddin Zainal (Baha Zain) dan Profesor Madya Dr. Lim Swee Tin.

Hadiah pemenang disampaikan oleh Tuan Haji Mustafa Ibrahim. Pemenang tempat pertama membawa pulang wang tunai RM 1,500, kedua RM 1,000, ketiga RM 800. Manakala hadiah tempat keempat dan kelima menerima wang tunai sebanyak RM 500 dan RM 300.

Nukilan puisi sumbangan karya warga UMP ini turut diterbitkan dalam buku Antologi Puisi Merdeka 54 yang boleh didapati dari Jabatan Penerbit UMP dan Kedai Buku Koop UMP.

Moh Berpuisi” adalah sebahagian daripada program anjuran UMP bersempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-54.





## 12 pelajar cemerlang UPSR dirai

Seramai 12 peserta program Sinar ECER 2011 yang terdiri daripada pelajar Sekolah Kebangsaan Lepar, dan Sekolah Kebangsaan Runchang, Pekan hadir bersama keluarga masing-masing bagi memeriahkan majlis penghargaan kepada pelajar cemerlang dan pelajar berpotensi dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun ini.

Mereka yang berjaya mencatat kejayaan cemerlang ialah Hafizn Khairi Shaary, Nurul Amiera Afendi dan Siti Nur Wahidah Bustamam yang mendapat A dalam semua mata pelajaran.

Selain itu, Ismarizal Ikmal Ismail, Mohamad Aisar Rosli, Muhammad Aiman Zainuddin dan Zulhaziq Zufar Mohd. Zaludin berjaya memperoleh 4A 1B dan Muhammad Nurshafiq Afi Mohd. Norsani 4A 1C.

Turut dirai di kalangan pelajar anak-anak peserta Agropolitan Pekan, Mukim Lepar yang berpotensi dalam UPSR kali ini ialah Roni a/p Chandra Kumar Dhar, Rossyatka a/p Teor Bak Song, Asmi a/l Lau Hau Kiong dan Ayu Restiany Zulkhairi yang menuntut di Sekolah Kebangsaan Runchang.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam rasa terpacu untuk memenuhi kewajipan sosialnya kepada masyarakat dalam menabur khidmat tanpa sempadan.

Beliau menzahirkan rasa bangganya atas penglibatan sinergi yang konsisten dengan pihak Sekolah Kebangsaan Runchang dan Lepar melibatkan Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC), FELDA dan UMP sendiri dalam projek Sinar ECER ini bagi membangunkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

"Perkembangan positif ini memberikan isyarat yang jelas bahawa usaha

pembangunan pendidikan dan sosioekonomi perlu digalas secara kolektif oleh semua pihak yang berkeupayaan dengan bersandarkan kesedaran tanggungjawab sosial yang tinggi.

"Permuafakatan melibatkan pihak ECERDC ini menyuburkan semangat sukarelawan yang tinggi di kalangan warga kerja dan mahasiswa universiti iaitu Kelab In-Smartive dalam menggembelng tenaga untuk menjayakan projek ini dengan dikoordinasikan bersama Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari)," katanya ketika berucap di majlis tersebut yang diadakan di Dewan Bankuet, Canseleri UMP Kampus Gambang pada 24 November 2011 yang lalu.

Menurut Dato' Daing Nasir, inisiatif pelaksanaan Projek Sinar ECER ini merealisasikan Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) bagi pembangunan sosio-ekonomi dalam memberi nilai tambah terhadap Pelan Strategik UMP 2011-2015.

UMP bertanggungjawab menyelaras modul aktiviti, mengendalikan tuisyen akademik dan menyediakan semua keperluan sepanjang program termasuk Seminar Keibubapaan, Kem Komunikasi, Hari Motivasi dan Inovasi melibatkan pelajar dan peserta agropolitan Pekan.

Sementara itu, Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Sosial ECERDC, Zulkifli Ya'acob berkata, tugas untuk membangunkan pendidikan bukan hanya bergantung kepada sekolah sahaja namun ia memerlukan dorongan dan sokongan semua pihak bagi memastikan anak-anak terus berjaya dalam pendidikan.

"Program Sinar ECER dibangunkan untuk menyokong projek Agropolitan ECERDC yang bertujuan membantu anak-anak peserta dari golongan miskin dan miskin tegar berjaya dalam

pendidikan. Pelajar juga didedahkan dengan persekitaran yang dapat memotivasikan pelajar dan keluarga seperti melawat sekitar Kuala Lumpur dan Petrosains," katanya.

Katanya, negara akan hilang daya saing, ketinggalan dan terpinggir daripada kemajuan global jika pendidikan tidak diurus secara cekap dan berkesan kerana pendidikan merupakan bidang yang dinamik, penuh cabaran, perbelanjaan yang besar serta jentera pelaksanaan yang cekap dan sesuai dengan tuntutan semasa.

Beliau turut merakamkan penghargaan terima kasih atas sokongan banyak pihak terutamanya pihak FELDA selaku agensi pelaksana untuk Agropolitan Pekan, UMP, Pejabat Pelajaran dan guru-guru sekolah yang banyak memberi kerjasama dalam merealisasikan objektif penubuhan Pusat Kecemerlangan ECER.

Malah katanya, kerajaan akan terus meletakkan kepentingan agenda pendidikan sebagai keutamaan dalam merancang dan melaksanakan program-program pembangunan.

Dalam majlis ini Dato' Dr. Daing Nasir turut menyampaikan sijil penghargaan dan wang tunai sumbangan Persatuan Matahari. Bagi pelajar yang memperoleh 5A menerima RM150, RM100 bagi pelajar yang mendapat 4A dan lain-lain pelajar berpotensi di kalangan anak-anak orang Asli menerima wang tunai sebanyak RM50.

Hadir sama Ketua Sektor Jaminan Kualiti Jabatan Pelajaran Malaysia, Rosdi Ismail, Eksekutif Projek Bahagian Pembangunan Modal Insan ECERDC, Zifalinda Selamat, Pengurus Projek Agropolitan Runchang, Samsuri Mohamed, Pengurus Projek Agropolitan Lepar, Mansor Isa dan Pegawai Pembangunan Masyarakat FELDA, Mohd Izwan Hafiz Arshad.



## CENFED, AKEPT anjur Kursus Pembangunan Transformasi Pensyarah Muda

Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan sesebuah IPT bagi membentuk pelajar yang berketerampilan dan menghasilkan modal insan minda kelas pertama, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) menganjurkan Kursus Pembangunan Kepimpinan dan Transformasi Pensyarah Muda bertempat di Hotel MS Garden Kuantan pada 24 November 2011 yang lalu.

Menurut Pemangku Pengarah CENFED, Tuan Haji Jamil Basri, modul kursus kali ini menasarkankan keperluan dalam memenuhi sebahagian daripada latihan kepimpinan projek agenda kritikal (CAPS) dan pemahaman Pelan Transformasi Negara (GTP dan ETP) di kalangan pensyarah muda.

“Pensyarah juga didedahkan mengenai pemahaman terhadap Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), kepimpinan akademik dan kenegaraan,” katanya.

Kursus menampilkan penceramah yang pakar dalam bidang masing-masing. Mereka terdiri daripada Pengarah Bahagian Hubungan Universiti

Industri, Kementerian Pengajian Tinggi, Profesor Dr Shamsuddin Baharin yang mengupas tajuk kekuatan hubungan universiti-industri.

Hadir sama, Pengurus Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Lokman Affandy Yahya yang membentangkan tajuk Pelan Transformasi Negara (GTP) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).

Peserta juga berpeluang meningkatkan pemahaman mengenai Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Projek Agenda Kritikal (CAP) dalam ceramah yang disampaikan oleh Pengarah, Pejabat Pengurusan Prestasi (PMO) KPT, Profesor Madya Dr Harsieta Aini Haroon.

Program turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr Daing Nasir Ibrahim dalam menyampaikan ceramah yang bertajuk “Kepimpinan Akademia dan Pengurusan Organisasi Cemerlang” serta perbincangan mengenai kenegaraan yang disampaikan Pengarah Biro Tatanegara Pahang, Hamizi Yaakub.



## Asri terima AAP

Timbalan Bendahari Universiti Malaysia Pahang (UMP), Asri Zainudin telah dianugerahkan dengan pingat Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP) daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Mu'adzam Shah pada 22 Disember 2011 yang lalu sempena dengan Hari Keputeraan Baginda. Syabas dan tahniah.



## 44 Juruaudit IPTA tingkat pengetahuan Audit ICT

Oleh: MOHD AKRAM ABDUL RAZAK

Dalam meningkatkan kecekapan juruaudit dalam di universiti, Unit Audit Dalam Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jawatankuasa Latihan Audit Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menganjurkan Kursus Audit Teknologi Maklumat (ICT) selama dua hari bertempat di Bilik Latihan Cenfed UMP pada 21 Oktober 2011 yang lalu.

Seramai 44 peserta daripada seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia hadir untuk berkongsi pengalaman dalam melaksanakan urusan audit terutamanya berkaitan kawalan utama (*high level control*), pengurusan dan pentadbiran sistem maklumat di universiti masing-masing.

Menurut Ketua Audit Dalam UMP, Mohd Akram Abdul Razak, program ini juga sebagai platform perkongsian ilmu dan pengalaman dalam usaha menjadikan juruaudit dalam di universiti agar lebih berkebolehan serta mempunyai pengetahuan yang luas dalam melaksanakan tugas pengauditan ICT.

"Pelaksanaan Kursus Audit ICT ini juga

selaras dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dalam membangunkan modal insan yang profesional melalui perkhidmatan dengan masyarakat dan jalinan industri," katanya.

Tambah beliau lagi, peserta berpeluang menjalani latihan secara praktikal dalam membangunkan Rancangan IS Audit berdasarkan rangka kerja yang dipilih, menulis program audit, menjalankan IS audit (*mock-up*) termasuk menulis laporan hasil audit.

Selain itu, peserta berpeluang berkongsi pengalaman dengan Ketua Audit Dalam Universiti Malaya (UM), Tuan Haji Jalani Hasan yang mempunyai pengalaman lebih 20 tahun.

Kursus itu berjaya mewujudkan jaringan kerjasama dalam memastikan hasil audit ICT ini lebih berkualiti, ekonomikal, efisien dan efektif.

Malah ianya juga turut memenuhi keperluan dan standard yang ditetapkan dalam bidang pengauditan selaras dengan kehendak tugas pengauditan yang dipertanggungjawabkan.



## 700 alumni dirai hargai sumbangan

Seramai tujuh orang Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima Hadiah Sanjungan Kepimpinan yang buat julung kalinya diperkenalkan tahun ini dalam Majlis Makan Malam Graduan sempena Majlis Konvokesyen Ke-6 UMP anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) pada 30 September 2011 yang lalu.

Mohd. Norfarhan Mohd Mustafa dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dipilih menerima Hadiah Sanjungan Kepimpinan. Sifat kepimpinan beliau terserlah apabila pernah dilantik sebagai Presiden Majlis Mahasiswa Anak Pahang Kebangsaan (2008), Setiausaha Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Kuantan (2010), pengarah dalam program Mesra 1 Malaysia Kembara Hati Siswa (2011), memimpin Konvensyen Mampan Kebangsaan (2011) dan pernah terlibat dalam Misi Bantuan Gempa Bumi Padang Indonesia.

Selain beliau, turut menerima hadiah Nuraini Mohd Yusoff dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang menerima Hadiah Sanjungan Daya Usaha & Inovasi, graduan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Zarul Shazwan Zullkafli bagi Hadiah Sanjungan Sukan & Rekreasi dan graduan FKKSA, Ainul Nadirah Izaharuddin penerima Hadiah Sanjungan Kesenian & Kebudayaan.

Hadiah Sanjungan Kemasyarakatan/Kesukarelawan diterima oleh Law Kok Sin dari FKEE, Hadiah Sanjungan Pengucapan Awam, Mohamad Jumain Maplati, graduan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam dan Hadiah Sanjungan Keusahawanan dianugerahkan

kepada graduan FKEE, Muhamad Nur Zakwan Zainal.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP buat julung kalinya memperkenalkan Hadiah Sanjungan Malam Graduan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada graduan yang aktif melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sepanjang berada di UMP," katanya semasa menyampaikan ucapan perasmian di Hotel Zenith, Kuantan kepada seramai 700 ahli Alumni UMP.

"Universiti menghargai graduan yang banyak menabur bakti dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan dalam melonjakkan nama UMP," kata beliau yang turut melancarkan Tabung Alumni Prihatin Atas Talian.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin menyarankan agar Alumni UMP terus aktif dan bersama-sama menggembleng tenaga membangunkan universiti.

Katanya, Tabung Alumni Prihatin Atas Talian yang ditubuhkan ini sebagai medan interaksi antara Alumni dengan UMP untuk bersama-sama menyumbang ke arah pembangunan universiti bertaraf dunia.

Tabung ini juga dapat memudahkan di kalangan ahli Alumni untuk memberi sumbangan kepada pelajar-pelajar UMP yang memerlukannya dengan hanya menyalurkan sumbangan melalui atas talian.

Beliau mengharapkan pihak Alumni dapat memanfaatkan tabung ini dengan sebaiknya sebagai saluran pertama penyalur sumbangan untuk pembangunan universiti dan Alumni sendiri.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan pelajar UMP dan penampilan istimewa artis jemputan, Akim AF6. Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pembangunan Kualiti), Profesor Madya Zulkifli Hassan dan Pengerusi Persatuan Alumni, Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman yang juga ahli Lembaga Pengarah Universiti.

# 1,000 pelajar sertai program Hari Keamanan Sedunia



Hampir 1,000 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) berbilang bangsa berkumpul di bandar Kuantan bagi menjayakan program UNESCO Sambutan Hari Keamanan Sedunia 2011 Peringkat Kebangsaan anjuran Pejabat Antarabangsa UMP dengan kerjasama Bahagian Dasar & Antarabangsa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia baru-baru ini.

Program ini menyaksikan beberapa kumpulan pelajar berbaju putih mempersembahkan pelbagai aksi tidak bergerak selama tujuh minit sebagai simbolik menghentikan keganasan dalam menyemarakkan semangat cintakan keamanan dunia seجات.

Hadir menjayakan program, Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Profesor Rujhan Mustaffa dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Menurut Dato' Profesor Rujhan, program ini dapat memupuk budaya sayangkan keamanan melalui rangkaian UNESCO seperti Kelab UNESCO, program di sekolah, institut dan badan bukan kerajaan.

"Saya sangat gembira apabila mengetahui bahawa UMP akan menubuhkan Kelab UNESCO UMP sendiri dan program hari ini adalah merupakan sebahagian daripada penganjurannya," katanya.

Beliau berkata, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan budaya kedamaian ini mengandungi nilai-nilai, sikap, cara tingkah laku dan cara hidup yang menolak keganasan.

"Pencegahan konflik boleh diatasi dari akar umbinya melalui sesi dialog dan rundingan melibatkan individu, kumpulan dan negara. Pendidikan merupakan elemen utama dalam mencapai keamanan dunia.

"Gagasan 1Malaysia dan Agenda Transformasi Negara juga menggalakkan kasih sayang, toleransi dan sikap saling hormat-menghormati dalam kepelbagaian budaya. Malah, golongan belia merupakan agen bagi transformasi yang akan membawa perubahan sosial yang aman," katanya.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing, bersempena dengan Hari

Dunia UNESCO 2011 yang disambut setiap tahun pada 21 September, UMP berbangga atas usaha pelajarnya yang dapat berdiri bersama-sama dalam menyampaikan maksud keamanan, kasih sayang dan kewarganegaraan global.

Beliau berharap melalui usaha ini akan dapat mewujudkan kesedaran bahawa setiap insan berperanan dan perlu melibatkan diri dalam program sebegini.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah Al-Qadri berkata, penubuhan Kelab UNESCO ini akan memfokuskan kepada isu-isu dunia dan serantau. Ianya selari dengan Polisi Pengantarabangsaan UMP dalam aspek Program Pengantarabangsaan Global Isu-Isu Kumpulan.

Seorang peserta yang merupakan pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, Iqram Zulkifli berkata, beliau yang pertama kali menyertai program UNESCO ini berbangga dapat menunjukkan apresiasi terhadap keamanan dunia.





## Pra Pelancaran Expoconvo 11' meriah

Majlis Pra Pelancaran Expoconvo 11' yang disempurnakan Yang Berhormat. Kapt. (B) Dato' Mohd Johari Hussain, Ahli Dewan Undangan Negeri Tioman mendapat sambutan dan membuka tirai bermulanya aktiviti dan sempena Majlis Konvokesyen Ke-6 UMP.

Lebih 500 pengunjung hadir di Pantai Teluk Cempedak Kuantan bagi memeriahkan program Pra Pelancaran Expoconvo 11' anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP bagi mempromosikan acara, pameran dan gerai jualan sepanjang Expoconvo bermula 28 September di UMP Gambang.

Menurut Dato Johari, beliau berbangga dengan penganjuran Expoconvo ini yang dikendalikan sepenuhnya di kalangan mahasiswa UMP.

Katanya, ianya secara tidak langsung dapat membuktikan produk yang dihasilkan di institusi ini berjaya mencapai papaian seperti yang diperlukan di industri.

"Mahasiswa juga perlu sedar akan cabaran dunia globalisasi moden yang tidak hanya bergantung pada keputusan

akademik semata-mata namun turut menekankan kemahiran insaniah sebelum meninggalkan universiti ini.

"Mahasiswa dapat membuktikan mereka boleh melangkah jauh dan membuktikan kreativiti dan inovasi dalam melakukan sesuatu kerja," katanya ketika berucap semasa merasmikan majlis



tersebut pada 16 September 2011 yang lalu.

Manakala Penolong Naib Canselor, (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, program ini dapat memberi maklumat dan hebahan kepada orang ramai untuk berkunjung ke UMP bagi memeriahkan program Expoconvo.

Pengarah Program, Mohammad Rizalman Aziz yang merupakan pelajar Fakulti Teknologi berkata, beliau amat bersyukur program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan dijalankan dengan jayanya.

Pihaknya berharap orang ramai dapat menyertai pertandingan futsal, mewarna kanak-kanak, nasyid, akustika dan pencarian bakat. Terdapat juga penganjuran Seminar 'Easy Math', bola sepak jalanan, pameran anti dadah, kitar semula, Go-Cart, paintball dan derma darah.

Turut diadakan persembahan kebudayaan termasuk tarian tradisional, silat gayung dan pencak silat yang dapat mengetengahkan bakat pelajar UMP.



## Mahasiswa cemerlang di Inova, Debat Perdana Gender dan Cabaran Catur Bistari

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraikan seramai 20 mahasiswa yang mencipta kecemerlangan dalam mencatat kejayaan 100 peratus dengan memenangi empat pingat iaitu, dua pingat emas dan dua perak serta dua daripadanya menerima Anugerah Khas dalam kategori Young Inventor (Pereka Muda) dalam Pameran 36th International Invention Show (Inova 2011) di Zagreb, Croatia.

Turut menjadi kebanggaan universiti apabila pasukan Debat Bahasa Melayu UMP yang terdiri daripada Muhammad Qusyairi Siti Aisyah Mustapha Hashim, Qamaruddin Mohd. Fauzi dan Nur Aida Faisal menjadi juara Pertandingan Debat Perdana Gender 2011 Piala Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil baru-baru ini.

Lebih membanggakan pertandingan anjuran NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ini menyaksikan Siti Aisyah Mustapha Hashim dinobatkan pendebat terbaik keseluruhan.

Kemenangan itu membolehkan UMP membawa pulang hadiah wang tunai RM7,000 berserta piala pusingan manakala hadiah RM500 menjadi milik Siti Aisyah.

UMP terus mencipta kejayaan apabila pasukan Entrap UMP mendapat tempat pertama dalam Pertandingan Cabaran Catur Bistari IPT Peringkat Kebangsaan 2011 anjuran Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDi), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Johor Corporation (JCorp) dengan kerjasama Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-universiti Malaysia (MAKMUM) dalam menggalakkan golongan pelajar untuk memahami selok-belok dunia perniagaan dan keusahawanan.

"Keraian yang diberikan kepada mahasiswa hari ini mungkin tidak dapat dibandingkan dengan tenaga dan usaha yang telah dicurahkan mereka dalam mengangkat nama universiti," kata Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim semasa hadir meraikan pelajar di Dewan Bankuet Canselori, Kampus Gambang pada 17 November 2011 yang lalu.

Kata beliau, sejarah yang tercipta ini merupakan manifestasi kewibawaan dan keupayaan mahasiswa UMP untuk memaknakan kewujudan mereka dengan berkesan dan penuh kebijaksanaan.

Menurut Dato' Daing, kejayaan mahasiswa merupakan isyarat jelas bahawa mahasiswa UMP kini mampu memberi nilai tambah kepada tanda mutu universiti ini. Pencapaian

ini menajamkan deria massa untuk lebih peka menyedari kewujudan, merasai kehadiran dan mendengar suara mahasiswa.

Dalam pameran Inova 2011, mahasiswa Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Niak Jian Ran yang mewakili Petakom menerima pingat emas dan Anugerah Khas 'Novel Idea-Korea Invention News' dengan projek penyelidikannya menghasilkan gerakan tangan yang berfungsi sebagai asas tetikus seperti menggerakkan cursor tetikus ke kanan, kiri dan tengah tetikus.

Nor Hidayah Dahari daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) mewakili Kelab Perkasa mendapat pingat emas dalam menghasilkan membran asimetrik ultra turasan (Bio-mem) bagi merawat air minuman yang berkualiti rendah.

Sementara itu Azimah Saman daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) mewakili Kelab Chest mendapat pingat Perak dan Anugerah Khas (*Best Invention Award - World Invention Intellectual Property Associations*) dengan penghasilan warna seperti merah, hijau, biru, kuning dan ungu menggunakan sumber semula jadi seperti buah naga, cili, kunyit dan pokok seduduk bagi kegunaan bahan kosmetik seperti gincu, pemerah pipi dan pewarna mata yang bebas dari bahaya bahan kimia.





Pingat perak seterusnya turut diraih mahasiswa daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Mohd Firdaus Mohd Yasin mewakili Kelab EEES dalam mencipta robot yang buat pertama kalinya menggunakan tenaga solar agen. Robot ini direka untuk membuat kerja-kerja pertanian seperti menggemburkan tanah, menyiram tanaman, menyembur racun, mahupun menyapu rumput kering.

Dalam pertandingan catur bistari pasukan Entrap yang dianggotai Nurizuddin Ahmad Hussin, Mohd Azizul Hafiz Abdul Sani, Mohamad Mohd Noor, Tuan Shahlan Tuan Safie, Saifuddin Abdul Aziz, Abdul Wahab Abdul Aziz dan Hariz Sufiyan Mohamed Sanuari berjaya mengumpul nilai aset tertinggi sebanyak RM 95,524,200.

Entrap berjaya membawa pulang hadiah berupa i-pad 2, trofi dan piala pusingan.

Manakala Mohd Amirul Hakim Hamidi, Mohd Ezany Rosli, Noor Azreen Mohd Khairul, Mohd Ebran Razali, Mohd Zaidi Yahaya dan Mohd Taufiq Rasdi daripada pasukan Experia memperoleh tempat ketiga dalam pertandingan ini dengan mengumpul nilai aset sebanyak RM 73,688,450 dengan membawa pulang i-pod Touch dan trofi.

Dato' Daing mengharapkan kejayaan cemerlang yang telah dicipta ini merangsang minat rakan-rakan mahasiswa untuk terus mencipta kejayaan pada masa akan datang.

Hadir sama meraikan majlis para penasihat kelab, pengurus pasukan dan penyelia projek penyelidikan yang turut memberikan sokongan, bantuan dan bimbingan kepada mahasiswa yang membawa pulang kejayaan.

Majlis turut dihadiri Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Pengarah Pusat Keusahawanan, Dr. Omar Jamaludin dan Dekan FSKKP, Profesor Madya Dr. Jasni Mohamed Zain.



# Semangat 60 sukarelawan ceriakan rumah anak-anak yatim



Seramai 60 sukarelawan dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai program khidmat masyarakat secara serentak di Rumah Kanak-Kanak Tun Fatimah, Rumah Anak Yatim Al-Unsyirah, Rumah Anak Yatim D`Nasti dan KAFA Surau Al Mukmin bersempena Hari Khidmat Komuniti (TITAS-UCS) pada 21 November 2011 yang lalu.

Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Dr. Abd Jalil Borham berkata, program turun padang itu diadakan setiap tahun bertujuan memupuk hubungan dua hala serta membina kesedaran kepentingan pendidikan dengan masyarakat dan kesedaran hidup bermasyarakat.

“Program ini juga dapat membina ruang dan mengukuhkan hubungan baik antara universiti dan masyarakat setempat.

“Di samping menjadi wadah melatih dan membiasakan pelajar UMP dengan sifat sukarelawan serta menghayati kehidupan masyarakat ianya juga dapat memberi kesedaran pendidikan dan menambah baik prasarana dengan menceriakan institusi pendidikan terpilih,” katanya semasa menyampaikan sumbangan cenderamata dari

UMP kepada sembilan rumah anak yatim.

Rumah anak yatim tersebut adalah KAFA Surau Mukmin, Kampung Padang, Rumah Kanak-Kanak Tun Fatimah, Rumah Anak yatim Permata Camar, Rumah Anak Yatim MABIQ, Rumah Anak Yatim Hembusan Kasih, Rumah Anak Yatim Al-Insyirah, Rumah Anak Yatim D`Nasti, Rumah Anak Yatim Baitul Husna dan Rumah Anak Yatim Penyayang dalam Majlis Perasmian Hari Khidmat Komuniti (TITAS-UCS) di Rumah Kanak-Kanak Tun Fatimah, di Bukit Pelindung Kuantan.

Katanya, kehadiran sukarelawan yang merupakan pelajar yang mengambil kursus Tamadun Islam & Tamadun Asia (TITAS) ini dapat memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar mengenai kepentingan pengurusan kerja berkumpulan di samping mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi mahupun berinteraksi dengan rakan atau orang lain.

Program bermula dengan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan surau, dan perpustakaan diikuti acara sukan seperti pertandingan mewarna, tarian dan sukaneka bersama dengan anak-anak yatim.

Pengelola Penghuni Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang, Mohd Qayummuddin, 20 berkata, pihaknya amat mengaluakan program sumbangan dari pihak korporat dan persendirian dalam memberi segala bentuk bantuan yang mampu meringankan beban mereka.

“Anak-anak yang tiada ibu bapa atau fakir miskin ini tidak akan rasa terpinggir kerana masih ramai yang bersimpati dengan mereka ini dengan menghulurkan bantuan,” ujarnya.

Manakala seorang pelajar UMP iaitu Muhammad Amierul Haqimie Ahmad Zamri, 18 berkata, beliau bangga dapat membantu anak-anak yatim ini dan berasa seronok melaksanakan tugas yang diamanahkan.

“Kanak-kanak kecil yang tiada ibu atau bapa ini jelas terpancar wajah kegembiraan apabila kami semua tiba di sini,” katanya lagi

Turut hadir bagi menjayakan program adalah Pengerusi Lembaga Pengarah Rumah Kanak-Kanak Tun Fatimah, Yang Mulia Raja Ismail Raja Shahidan, Pensyarah PBMSK, Anita Abdul Rani dan Pengarah Program, Muhammad Lokman Mat Azami.



## Teach Malaysia Teach signifikan bagi jayakan UKRA Pembangunan Sosioekonomi

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

“Aktiviti kesukarelawan secara terancang dan terarah mampu menyumbang secara strategik kepada UKRA (Bidang Keberhasilan Utama Universiti) Pembangunan Sosioekonomi dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2011-2015.

“Penyertaan dalam aktiviti ini akan membolehkan universiti ini dilihat kewujudannya, disedari kehadirannya dan didengari suaranya,” kata Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim ketika berucap dalam amanat khas beliau kepada seramai 68 orang ahli Kelab In-Smartive UMP sempena Kem Latihan Sukarelawan Projek Kilauan Mutiara Teach Malaysia Teach (TMT) di Agro Semuji Resort pada 27 November 2011 yang lalu.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.

TMT adalah inisiatif peningkatan motivasi, sahsiah dan daya saing untuk pelajar tahun tiga dan empat sekolah rendah menggunakan modul khas dalam Bahasa Inggeris yang dipelopori oleh Pertubuhan Kebajikan & Kemajuan Sosial Pulau Pinang (PKKS) dengan sokongan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI).

Inisiatif yang dimulakan di Seberang Jaya, Pulau Pinang ini dikembangkan ke daerah Pekan atas saranan isteri Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Datin Paduka Sri Rosmah Mansor.

Pelaksanaan inisiatif rintis Projek Kilauan Mutiara TMT oleh Kelab In-Smartive di daerah Pekan akan dimulakan pada bulan Januari 2012 melibatkan lima buah sekolah rendah dan 108 orang peserta turut mendapat dukungan Pejabat Pelajaran Daerah Pekan dan Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) Cawangan Daerah Pekan manakala PKKS bertindak sebagai Perunding Utama Projek.

Menyifatkan Projek Kilauan Mutiara TMT sebagai satu inovasi dalam gerak kerja kesukarelawan universiti ini, Dato’ Dr. Daing Nasir turut mengingatkan para sukarelawan untuk menjadikan pelaksanaan projek rintis TMT sebagai kayu ukur kemampuan Kelab In-Smartive

untuk mengembangkan projek ini kepada semua 48 buah sekolah rendah di daerah Pekan pada tahun akan datang.

Menurut Pengurus Projek Kilauan Mutiara TMT, Mohd Jamil Mohd Ja’afar, Kem Latihan Sukarelawan selama dua hari ini membolehkan para sukarelawan menekuni realiti sosioekonomi dan latar pemikiran bakal peserta projek ini.

“Cabaran paling besar untuk menjayakan Kilauan Mutiara TMT ialah untuk mengekalkan komitmen para sukarelawan dan menarik minat para peserta memandangkan projek ini akan berlangsung secara berterusan sehingga bulan November 2012,” ujar Mohd Jamil merupakan Timbalan Presiden In-Smartive yang juga mahasiswa di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UMP.

Turut mengisi agenda Kem Latihan Sukarelawan ini ialah wacana khas “Daya Saing, Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Rendah Daerah Pekan – Realiti, Cabaran dan Masa Depan,” yang disampaikan Pengerusi PBPPP Cawangan Daerah Pekan, Dato’ Haji Ibrahim Ya’acob dan Pemangku Pegawai Pelajaran Daerah Pekan, Mohamad Zailani Mohamad Said.

Program latihan ini berkesinambungan pada 2 Disember di mana Perunding Utama Projek dari PKKS menemui para sukarelawan TMT dalam satu majlis khas di UMP Pekan yang turut disertai Pengerusi PBPPP Cawangan Daerah Pekan dan Penasihat Kelab In-Smartive.





## 45 pelajar jelajah masyarakat pribumi

Oleh: NADIA ELIZA NATRAH JAMALUDDIN

Seramai 45 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai 'Program Jelajah Masyarakat Pribumi Malaysia (PriMa)' untuk mendekati masyarakat orang asli di samping mengenali budaya dan adat resam masyarakat di Perkampungan Orang Asli Kampung Paya Rekoh dan Kampung Berdut Jerantut Pahang baru-baru ini.

Melalui program anjuran Exco Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 3 (PEKA 3) dan Sekretariat Khidmat Komuniti UMP ini, pelajar dapat mewujudkan persefahaman, kerohanian dan perkongsian pintar bersama anak-anak muda serta penduduk kampung serta mengukuhkan perasaan muhibbah tanpa mengira batas kaum, bangsa dan agama.

Menurut Pengerusi Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 3 yang juga pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Radhiah Zainon berkata, inisiatif mesra masyarakat dalam Program Khidmat Komuniti PriMa ini merupakan satu isyarat jelas bahawa UMP bukanlah sebuah institusi pengajian tinggi atau menara gading yang bersifat elitis, namun menghargai kewujudan jiran-jiran yang berada di sekelilingnya untuk hidup bersama dalam sebuah komuniti yang besar dan saling bergantung antara satu sama lain.

Beliau yang juga Pemantau Program PRIMA berkata, aktiviti kemasyarakatan seperti ini dapat memupuk sifat peka para pelajar

UMP terhadap masyarakat sekeliling dan seterusnya mempunyai rasa tanggungjawab untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat luar bandar setaraf dengan kehidupan masyarakat di bandar dari segi pendidikan, sosial, teknologi dan ekonomi.

Manakala, Pengarah Program Jelajah Masyarakat Pribumi Malaysia (Prima), Rohanis Mohd Japari berkata, melalui aktiviti ziarah ke rumah penginapan orang kampung, pelajar dapat bermesra dan mendekati penghuni rumah di samping menyampaikan sumbangan termasuk makanan dan pakaian hasil sumbangan orang ramai yang berjaya dikumpul.

Rohanis yang merupakan pelajar tahun akhir bidang Pengurusan Teknologi Industri berkata, program ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang dengan memberi tumpuan yang lebih sesuai terhadap kehendak masyarakat setempat.

Program dimeriahkan lagi dengan beberapa aktiviti antara pelajar bersama penduduk kampung melibatkan aktiviti gotong-royong sekitar kawasan perkampungan, melukis mural di dewan orang ramai dan aktiviti menyediakan juadah memasak bersama komuniti masyarakat kampung.

Selain itu, program turut mendapat kerjasama daripada agensi lain melibatkan pihak Hospital Tengku Ampuan Afzan

dan Pusat Kesihatan Pelajar dalam usaha memberi ceramah kesedaran kesihatan dan pemeriksaan kesihatan percuma kepada penduduk kampung.

Manakala slot bengkel bercucuk tanam dikendalikan dengan kerjasama pihak Jabatan Pertanian Daerah Temerloh dalam usaha memberi peluang dan maklumat terhadap penduduk kampung dalam mengusahakan produk pertanian yang bersesuaian untuk diusahakan.

Selain itu, turut diadakan ceramah motivasi dan latihan dalam kumpulan (LDK) di kalangan pelajar sekolah, aktiviti sukaneka dan bersama penduduk kampung menayakan malam persembahan kebudayaan melibatkan kedua-dua perkampungan ini.

Ketibaan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dalam majlis perasmian penutup disambut meriah penduduk kampung. Hadir sama menayakan program, Pengetua Kolej Kediaman 3, Profesor Madya Dr. Normah Othman, Pengetua Kolej Kediaman 4, Dr. Sugeng Ariyono; Tok Batin, Awang Abdullah dan Tok Empat Felda Jenderak Selatan, Osman Abu Bakar.

'Program Jelajah Masyarakat Pribumi Malaysia (PriMa)' turut mendapat kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad), Majlis Pengetua Kolej Kediaman dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).



## UMP juara kejohanan sukan MTUN 2011

Pasukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Antara Universiti-universiti Teknikal (MTUN) Kali ke-4 yang berlangsung selama empat hari di Kompleks Sukan UMP di Gambang pada 18 Disember 2011 yang lalu.

Kejohanan ini menyaksikan empat buah universiti teknikal di Malaysia terdiri daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang merupakan jaringan universiti teknikal Malaysia (MTUN) berentap dalam lima acara sukan yang dipertandingkan melibatkan sukan Bola Tampar (lelaki/wanita), Sepak Takraw (regu staf/pelajar/pasukan), Futsal (staf/pelajar), Bola Keranjang dan Bola Jaring (staf/pelajar).

UMP berjaya mengumpulkan 54 kutipan mata menewaskan UTHM dengan kiraan mata 38 diikuti UniMap 36 mata dan UTeM sebanyak 29 mata.

Dalam Kejohanan ini, kumpulan UMP juga berjaya menjuarai pertandingan Bola Tampar (Wanita), Futsal (staf dan pelajar), Sepak Takraw (regu pelajar) dan Bola Keranjang.

Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Dr. Saharudin Haji Ismail

Beliau turut mengharapkan Kejohanan MTUN ini berupaya menjadi pemangkin dalam membina semangat kerjasama dan setiakawan di antara pasukan yang bertanding.

Menurut beliau, MTUN merupakan antara platform bagi mengetengahkan bakat atlet universiti di negara ini dan memberi peluang untuk komuniti universiti bersaing secara sihat, belajar dan mengenali di antara satu sama lain dengan lebih baik.

"Ianya selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (DPSIPT) iaitu melahirkan generasi 'The Thinking Athlete(s)' dan mensasarkan 30 peratus daripada atlet negara terdiri daripada atlet IPT menjelang tahun 2015.

"Pembangunan yang seimbang dari segi prestasi sukan dan akademik akan melahirkan graduan yang berprofesionalisme dan berada saing di pasaran kerja domestik dan antarabangsa," katanya.

Dalam majlis yang sama juga menyaksikan Ketua Pusat Sukan UMP, Jasni Ladin menyerahkan bendera kejohanan kepada Penolong

Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM, Engr. Profesor Dr. Marizan Sulaiman sebagai simbolik bagi penganjuran kejohanan Sukan MTUN yang bakal berlabuh di UTeM pada tahun hadapan.

Majlis perasmian sebelum itu disempurnakan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dengan diserikan upacara menaikkan bendera kejohanan Sukan MTUN oleh barisan Pegawai-Pegawai Kadet PALAPES TLDM UMP.



# UMP tuan rumah Karnival Bola Keranjang 3 on 3 IPT

*“Penglibatan pelajar dalam pembudayaan sukan di IPT dilihat bukan sahaja untuk mendedahkan diri para pelajar dengan gaya hidup yang lebih berkualiti malah mampu menerapkan ciri atau sifat positif yang lain dalam diri mereka,”*

- Dato' Saifuddin Abdullah

Sebanyak 102 pasukan daripada 29 institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia menyertai karnival Bola Keranjang 3 on 3 bagi merebut Piala Timbalan Menteri Pengajian Tinggi pada 14 Oktober 2011 yang lalu.

Kejohanan anjuran Pusat Sukan UMP, Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA) ini turut disertai 20 IPTA dan sembilan pasukan antaranya Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Teluk Intan, Kolej KDU Penang, Kolej Bandar Utama, Politeknik Sultan Azlan Shah dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.

Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah, karnival ini akan mencungkil bakat baharu dan melahirkan lebih ramai atlet di kalangan pelajar IPT bagi mewakili negara dalam sukan bola keranjang.

Katanya, Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (DPSIPT) bermatlamat menjadikan IPT pemangkin dalam pembangunan kecemerlangan sukan negara. “Program ini menetapkan sasaran melahirkan sekurang-kurangnya 30 peratus atlet negara di kalangan atlet IPT atau *‘the thinking athletes’*.”

“Penglibatan pelajar dalam pembudayaan sukan di IPT dilihat bukan sahaja untuk mendedahkan diri para pelajar dengan gaya hidup yang lebih berkualiti malah mampu menerapkan ciri atau sifat positif yang lain dalam diri mereka,” kata beliau semasa merasmikan Karnival Bola Keranjang 3 on 3 di Kompleks Sukan UMP.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sebagai Pusat Sukan Tumpuan Bola Keranjang IPT, UMP turut memikul tanggungjawab untuk mencari dan menggilap bakat-bakat baharu sukan ini. Kepercayaan yang diberikan ini menuntut suatu perancangan rapi lagi strategik bagi memperkasa sukan bola keranjang sebagai sebuah sukan tumpuan.

Beliau mengharapkan karnival ini menjadi pendorong dalam memartabatkan UMP sebagai Pusat Sukan Tumpuan Bola Keranjang dan mengharapkan sokongan orang ramai untuk memberi sokongan memajukan sukan bola keranjang ini.

Katanya, ujian sebenar kepada tahap keupayaan atlet bola keranjang adalah menghadapi cabaran daripada para pesaing dari luar negara dan ini termasuklah cabaran Sukan Universiti ASEAN Ke-16 di Laos dan World University Championship di Serbia pada tahun hadapan.

Justeru, Karnival 3 On 3 ini berfungsi sebagai medan pemilihan untuk mengenal pasti bakat-bakat yang berpotensi untuk diketengahkan di dalam kejohanan-kejohanan tersebut.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrrie Zainuddin, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi, Tony Azman Hassan, Randy Yap mewakili Setiausaha Agung MABA dan Ketua Pusat Sukan, Jasni Ladin.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang menyaksikan pasukan Universiti Sains Malaysia (USM) (B) dinobatkan Johan kategori kumpulan lelaki diikuti tempat kedua dimenangi pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (C), tempat ketiga dirangkul pasukan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam (B) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) (A) di tangga keempat. Manakala, bagi kategori wanita pula dimenangi pasukan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) (A) diikuti USM (A), UUM (B) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (A).





# FKEE juara Kejohanan Sukan Antara Fakulti

Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menjuarai Kejohanan Sukan Antara Fakulti UMP 2011 (SukFAC2011) yang telah diadakan pada 18 hingga 28 November 2011 yang lalu bertempat di Kompleks Sukan UMP.

Kejohanan anjuran bersama Pusat Sukan UMP dan Majlis Sukan Pelajar UMP dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni itu diadakan bertujuan menggalakkan penglibatan pelajar dalam bidang sukan selaras dengan saranan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) untuk menjadikan 1 sukan 1 pelajar dan bagi melahirkan "The Thinking Athletes" di kalangan pelajar UMP.

Pada kejohanan kali ini, FKEE telah merampas takhta Juara Keseluruhan daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang menjuarai kejohanan pada edisi pertama tahun 2010 dengan kelebihan 3 mata di mana FKEE memperolehi 63 mata dan FKM memperoleh 60 mata.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dengan 34 mata serta tempat keempat dimenangi oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan 33 mata.

Tempat kelima pula dimenangi oleh Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan 16 mata, tempat keenam Fakulti Teknologi (FT) dengan 15 mata, tempat ketujuh Fakulti Sains Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKCP) dengan 12 mata dan tempat terakhir ialah Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) dengan 7 mata.

Penglibatan pelajar UMP dalam kejohanan tahun ini meningkat lebih 30 peratus daripada tahun sebelumnya dengan jumlah keseluruhan seramai 1,187 orang pelajar yang terdiri daripada 951 orang sebagai peserta, 206 orang sebagai pengurus/ jurulatih, 20 orang sukarelawan dan 10 urus setia.

Antara sukan yang dipertandingkan pada kejohanan kali ini adalah Bola Sepak 9's (L), Hoki 6's (L), Bola Baling (L&W), Catur Campuran, Tenpin Boling (L&W), Ping Pong (L&W), Bola Tampar (L&W), Badminton (L&W), Sepak Takraw (L) dan Bola Jaring (W).

Diharapkan Kejohanan Sukan Antara Fakulti UMP (SukFAC) akan mendapat perhatian dan sokongan daripada semua pihak terutamanya Dekan-dekan Fakulti dan pihak JHEPA bagi memastikan ianya dapat diadakan pada setiap tahun serta menjadi acara tahunan universiti kepada pelajar UMP dalam usaha membangunkan sukan serta menggalakkan pelajar UMP terlibat dalam aktiviti sukan kompetitif sama ada sebagai peserta, pengelola, pelaksana, pengurus ataupun sebagai jurulatih.





## PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



**Profesor Ir. Dr. Shah Nor Bin Basri**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan  
20 September 2011 hingga 19 September 2013



**Profesor Engr. Dr. Ideris Bin Zakaria**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam  
20 September 2011 hingga 15 Ogos 2013



**Profesor Dr. Abd Jalil Bin Borham**  
Dekan  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
17 September 2011 hingga 16 September 2013



**Profesor Madya Dr. Abdullah Bin Ibrahim**  
Dekan  
Fakulti Teknologi  
1 Oktober 2011 hingga 30 September 2013



**Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari**  
Pengarah  
Centre of Excellence For Research In  
Advanced Fluid Flow  
15 Disember 2011 hingga 14 Disember 2013



**Dr. Omar Bin Jamaludin**  
Pengarah  
Pusat Keusahawanan  
1 November 2011 hingga 31 Oktober 2013



**Brian Trenaman**  
Pengarah  
German Academic & Career Centre  
1 Oktober 2011 hingga 4 September 2012



**Dr. Ahmad Razlan Bin Yusoff**  
Timbalan Dekan (Akademik & Siswazah)  
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan  
1 November 2011 hingga 31 Oktober 2013



**Dr. Adzhar Bin Kamaluddin**  
Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal  
Pembangunan Pelajar)  
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian  
1 November 2011 hingga 31 Oktober 2013



**Profesor Madya Dr. Noor Azlinna Binti Azizan**  
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pascasiswazah)  
Fakulti Teknologi  
10 Oktober 2011 hingga 9 Oktober 2013



**Shariman Bin Mustafa**  
Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar)  
Fakulti Teknologi  
1 Oktober 2011 hingga 30 September 2013



**Dr. Norrihan Binti Sulan**  
Timbalan Dekan (Akademik)  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
17 September 2011 hingga 16 September 2013



**Mohd Hasbi Bin Ab Rahim**  
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pascasiswazah)  
Fakulti Sains & Teknologi Industri  
1 September 2011 hingga 31 Ogos 2013




**Shariza Binti Mat Aris**  
Timbalan Pengarah  
Pusat Pengurusan & Penyelidikan Sumber Alam  
15 September 2011 hingga 14 September 2013



**Mohd Fadzil Bin Abdul Rahim**  
Timbalan Pengarah  
Pusat Kejuruteraan Automotif  
1 November 2011 hingga 31 Oktober 2013



**Dr. Jolius Bin Gimnun**  
Timbalan Pengarah  
Centre of Excellence For Research In Advanced  
Fluid Flow  
15 Disember 2011 hingga 14 Disember 2013



**Judul Buku** : *Practical Approach Of Managing Knowledge In Organization*  
**Pengarang** : Wan Maseri Wan Mohd, Ahmed N. Abd Alla, Ahmad Othman, Liu Yao & Ramdan Razali  
**Harga** : RM54.00  
**Jumlah Halaman** : 131 muka surat

*This book suggests a balanced and integrated approach on how to implement knowledge management within an organization by effectively taking advantage of practical tools and techniques.*


*Firstly, the concepts of knowledge, knowledge management (KM) and knowledge management strategy and system are introduced from various relevant perspectives. This will form a thorough theoretical foundation for better understanding in implementing the principles and IT techniques in the process of managing knowledge.*

*Special attentions are given on knowledge dimension, KM cycle and IT technologies supporting KM Systems.*

*Secondly, an easy-to-understand dictionary of practical tools and techniques for the implementation of KM system within an organization is compiled. The tools and techniques are classified and structured system that makes learning a breeze whereas personalization is more for connecting people to share their tacit knowledge. Most of the currently common used technologies are included such as search engines, data mining, e-learning, document management, e-knowledge repository, knowledge portal, etc.*

*Thirdly, implementation of principles and assessments are provided to complete our research frame by answering the question: how to employ those tools and techniques to enhance the effects?“. The book emphasized that to have a successful knowledge management program, it should stand at a holistic point which includes culture, technology, infrastructure and measure. It needs to have both the soft and hard aspects of the whole context.*

*Finally, the books ends by offering several case studies and applications so as to help readers experience a real touch of knowledge management implementation.*



**Judul Buku** : *Geosynthetics In Civil Engineering*  
**Pengarang** : Youventharan Duraisamy  
**Harga** : RM50.00  
**Jumlah Halaman** : 107 muka surat

*The present century is marked by a dramatic increase in global population with the tendency to be progressively concentrated in urban and industrial areas. As a result, there are tremendous construction of infrastructures and buildings in progress. Therefore, this book provides tips that serve as easy steps for civil engineers and academician as well as basic knowledge to undergraduates and postgraduates on the application of geosynthetics. The author also writes in a style that is semi-technical and easy, which incorporates history, concept, design, construction methods and applications of geosynthetics in the field of civil engineering.*



**Judul Buku** : Kejuruteraan Foundri Teori Dan Amali  
(Proses Membuat Corak & Acuan Pasir) Jilid 1  
**Pengarang** : Cik Anuar Mohamed Yunus, Rizalman Mamat &  
Burhanuddin Ghazali  
**Harga** : RM45.00  
**Jumlah Halaman** : 136 muka surat



**Judul Buku** : Kejuruteraan Foundri Teori Dan Amali (Analisis Ujian  
Pasir Dan Proses Tuangan) Jilid 2  
**Pengarang** : Cik Anuar Mohamed Yunus, Rizalman Mamat &  
Burhanuddin Ghazali  
**Harga** : RM45.00  
**Jumlah Halaman** : 126 muka surat

Buku ini amat sesuai sebagai panduan kepada para penuntut di Universiti, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan pekerja-pekerja foundri dalam sektor pembuatan. Buku ini merupakan peringkat asas dan pertengahan kepada kejuruteraan foundri dari segi teori dan praktikal. Buku ini diterbitkan dalam dua jilid. Jilid pertama ini mengandungi 14 bab yang berkaitan dengan asas kejuruteraan foundri termasuklah keselamatan, peralatan tangan dan mesin, proses pembuatan corak, lukisan susun atur dan cetak biru, relau tuangan dan terminalogi tuangan. Jilid dua pula secara ringkas berkisar kepada proses pembuatan acuan pasir (acuan pasir lembap & acuan CO<sub>2</sub>), proses tuangan, kecacatan pada hasil tuangan dan metalurgi tuangan. Secara keseluruhan buku ini dipersembahkan dengan cara susunan daripada peringkat asas kepada peringkat pertengahan dan difikirkan dapat menarik perhatian pelajar dengan memuatkan gambar rajah, gambar foto dan contoh-contoh uji kaji serta pengiraan. Di samping itu disediakan juga soalan-soalan latihan untuk kefahaman para pelajar.

# Bangsa yang maju adalah bangsa yang celik sejarah

Oleh: HASNAH HUSSIIN

Telah menjadi kebiasaan bagi rakyat Malaysia setiap 31 Ogos kita akan merayakan sambutan kemerdekaan. Bangga sungguh kita menjadi rakyat Malaysia yang mana negaranya aman, makmur dan sejahtera. Orang luar pun suka datang dan tinggal di sini dan mereka juga mengiyakan bahawa Malaysia sungguh aman dan sejahtera. Apa yang penting, di sini tidak ada bom yang jatuh di sana dan jatuh di sini. Sebab itulah hari kemerdekaan dapat disambut dengan penuh meriah. Harus diingat sambutan kemerdekaan bukan sahaja cukup dengan meraikannya, memperingati perjuangan orang-orang terdahulu, pengisian ceramah, pertandingan esei sempena kemerdekaan, dan mengibarkan bendera. Asas untuk seseorang itu menghargai kemerdekaan dan keamanan yang dikecapi selama ini adalah dengan mempelajari dan menghayati perjalanan sejarah negara.

Sebenarnya masyarakat di negara ini tidak menyedari akan kepentingan sejarah dalam pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa. Malahan kita juga sering dihantui dengan pentingnya bahasa Inggeris jika dibandingkan dengan pengetahuan atau pendidikan sejarah di sekolah, kita juga dihantui pentingnya anak-anak kita diberi pendidikan teknikal, kejuruteraan, sains, matematik dan secara tidak disedari pendidikan sejarah dipinggirkan. Tidakkah kita takut suatu hari nanti, ramai di antara golongan profesional yang kita didik hari

ini meninggalkan negara ini, dan mencari hujan emas di negara orang? Perkara ini bukanlah perkara baharu yang berlaku dalam dunia pekerjaan pada hari ini. Jumlah anak Malaysia yang bekerja di negara orang pada hari ini sudah tidak boleh dikira dengan jari lagi. Jumlahnya sudah cukup besar dari hari ke hari.

Kalau kita lihat di negara yang maju seperti di negara Barat dan juga di beberapa buah negara Asia yang tidak kurang majunya dan setanding dengan negara Barat seperti Jepun, Korea, dan Taiwan mereka sangat mementingkan pendidikan sejarah atau juga dikenali sebagai pendidikan patriotisme dalam membangunkan generasinya. Oleh itu, kita dapat lihat di negara Jepun misalnya, walaupun mereka maju dalam teknologi dan boleh mengatasi negara Barat, mereka tetap bangga menggunakan bahasa ibunda mereka, dan mengekalkan nilai-nilai tradisi Jepun. Malahan di negara itu, pelajaran Sejarah adalah sangat penting sehingga mengatasi subjek lain yang diajar. Ini sangat berlainan dengan di negara kita pendidikan Sejarah terkebawah, pendidikan sains dan teknologi yang teratas. Begitu juga pendidikan moral dan pendidikan agama mengalami nasib yang sama. Justeru, kita dapat lihat pada hari ini, generasi Malaysia begitu rapuh imannya dan begitu nipis kejiwaannya terhadap isu-isu kenegaraan. Sesuatu perlu dilakukan untuk menyedarkan generasi Malaysia khususnya masyarakat Melayu pada hari ini. Tidak perlu kita

menuding jari orang itu bersalah atau orang ini bersalah. Sesuatu perlu dikaji semula dalam sistem pendidikan kita pada hari ini.

Mengapa kemajuan dan pembangunan negara bangsa dikaitkan dengan sejarah? Apa kaitannya? Secara mata kasar, kita dapat lihat pendidikan kejuruteraan, sains, teknologi berjaya memperlihatkan tumbuhnya bangunan-bangunan pencakar langit, ilmu kedokteran melahirkan para doktor, ilmu sains melahirkan ahli sains dan penyelidik, ilmu psikologi dan falsafah melahirkan golongan pemikir dan ahli falsafah, jadi kalau sejarah apa sumbangannya?

Pendidikan sejarah akan melahirkan warganegara atau generasi yang sentiasa berlumba-lumba untuk membangunkan negaranya. Dalam hal ini, generasi yang dididik tadi akan menggunakan masa lampau sebagai idolanya untuk membawa negara ke mercu kejayaan dan terkenal di arena antarabangsa. Mereka akan berusaha untuk menaikkan nama negara kerana mereka percaya negara ini mampu melakukannya kerana negara ini adalah sebuah negara yang sangat dikenali suatu masa dahulu. Justeru, tidak mustahil dengan kemajuan dan pembangunan yang dikecapi kini akan membuka mata negara luar akan keupayaan negara ini dalam pelbagai aspek politik, ekonomi dan sosial.

Pendidikan sejarah juga berperanan bagi memupuk semangat patriotisme atau semangat kebangsaan yang kuat dalam diri seseorang individu. Semangat kebangsaan ini perlu ada dalam diri setiap individu yang mengaku dirinya sebagai warganegara Malaysia. Perlu disedari tanpa semangat sayangkan negara yang kuat, negara ini akan runtuh bila-bila masa. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini ialah kurangnya penghayatan masyarakat terhadap program-program yang berunsurkan patriotisme. Contoh yang paling mudah sekali ialah semasa sambutan bulan kemerdekaan. Ada di antara mereka pada hari ini yang merasakan sambutan

terhadap bulan tersebut tidak memberi apa-apa erti dan tidak ada kaitan dengan mereka yang hidup dalam dunia yang sudah ada segalanya. Bagi mereka perjuangan menentang penjajah sudah tamat, Komunis sudah lari, negara dah maju, nak buat apa lagi? Pemikiran sebegini perlu dibuang dalam diri setiap generasi baharu pada hari ini kerana setiap individu itu ada tanggungjawab atau amanah yang perlu dipikul. Kalau orang Melayu dulu berjuang mempertahankan tanah air daripada penjajah, Melayu baharu pula harus berjuang bagi memastikan mereka tidak mudah dijajah dari segi ekonomi, budaya dan pemikiran.

Cabaran yang paling besar yang dimainkan oleh pendidikan sejarah adalah untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai jati diri dan semangat kenegaraan yang kuat. Pembangunan pesat teknologi maklumat serta penyebaran budaya Barat telah menjadi penyumbang utama kepada pembentukan "*the new society*" (masyarakat baharu yang tiada identiti). Dalam hal ini, universiti atau Institut Pengajian Tinggi (IPT) memainkan peranan penting dalam mendidik mahasiswa agar mempunyai jati diri sebagai warganegara Malaysia dan pada waktu yang sama mampu mempertahankan kedaulatan tanah air, maruah agama dan identiti bangsa. Penghakisian jati diri begitu senang berlaku dalam masyarakat pada hari ini khususnya para remaja yang mudah terikut-ikut dengan budaya asing. Masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini juga menggambarkan betapa unsur-unsur sayangkan bangsa dan negara sudah terhakis. Begitu juga dengan nilai-nilai murni yang menjadi identiti bangsa Melayu sebelum ini juga semakin pudar ditelan zaman. Contoh terdekat dapat dilihat pada gejala-gejala sosial yang begitu berleluasa di kalangan remaja Malaysia pada hari ini seperti penagihan serta penyalahgunaan dadah, fenomena bohsia dan bohjan, pelacuran, rempit, berpelesenan, "*black metal*", jenayah rogol, ragut dan banyak lagi.

Semua ini sudah cukup merisaukan banyak pihak apabila memikirkan bagaimanakah bentuk masyarakat yang akan datang jika remaja pada hari ini yang bakal menjadi pemimpin negara terjebak dengan gejala-gejala negatif. Generasi yang celik sejarah, tidak mendekati diri mereka kepada gejala-gejala seperti ini, kerana mereka memahami tanggungjawab dan tugas mereka sebagai warganegara dan kesannya kepada negara dan masyarakat jika mereka melakukan perkara tersebut.

Melalui sejarah, generasi Malaysia pada hari ini, dapat mempelajari dan memahami asal-usul kewujudan masyarakat majmuk di negara ini. Sejarah yang telah membentuk hubungan kaum di negara ini. Tidak dapat dinafikan pendidikan sejarah berupaya membentuk semangat perpaduan antara kaum di negara ini. Malahan sejarah juga yang mematangkan kaum-kaum di negara ini untuk bersatu padu. Dalam konteks masyarakat majmuk, rakyat Malaysia harus memahami persamaan dan perbezaan dalam sebuah masyarakat pelbagai kaum. Ini bagi mengekalkan keharmonian hubungan kaum di Malaysia. Hubungan kaum perlu dijaga agar anasir luar tidak menggunakan kesempatan ini untuk campur tangan dalam hal ehwal negara kita. Justeru, melalui sejarah kita akan sedar bahawa di antara kita ada persamaan yang boleh dikongsi bersama seperti dari segi hak-hak asasi mereka sebagai warganegara manakala dari segi perbezaan pula merangkumi perbezaan kepercayaan, agama, budaya dan bahasa. Penjelasan ini sangat perlu bagi memastikan hubungan antara kaum di Malaysia berjalan lancar dan harmoni. Tidakkah generasi Malaysia pada hari ini menyedari, keamanan dan perpaduan kaum adalah faktor penting dalam kemajuan dan perkembangan ekonomi negara? Cuba kita lihat di negara luar sama ada di negara jiran tetangga kita, atau jauh ke benua Eropah dan Asia, perbalahan kaum telah mengheret negara berkenaan ke kancas kemiskinan dan kekacauan

politik yang tidak henti-henti, ada di antaranya terpaksa meminta pertolongan dari negara luar untuk membangunkan keamanan di negara mereka.

Melalui sejarah, ia akan membentuk sikap kerjasama antara masyarakat. Kerjasama penting untuk memastikan keamanan negara khususnya bagi sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Tahukah anda bahawa jika sifat kerjasama ini dapat ditanam dalam setiap aspek kehidupan masyarakat Malaysia, segala gejala negatif akan dapat dibendung. Malahan segala masalah akan dapat diatasi dalam masa yang singkat. Dari segi sejarah, kegemilangan sesuatu tamadun banyak bergantung kepada sifat kerjasama dan muafakat sesuatu kaum. Sejarah telah membuktikan jatuh bangun sesebuah tamadun ditentukan oleh faktor “kerjasama”. Konsep kerjasama telah lama lahir dalam setiap tamadun dunia, apa yang membezakannya ialah dari segi nama sahaja. Dalam masyarakat Barat ia dikenali sebagai “*team work*”. Manakala dalam istilah Arab pula ia dipanggil “*Amal Jama’ie*”. Secara umumnya, konsep kerjasama ini bolehlah disimpulkan sebagai satu konsep di mana sesuatu kelompok manusia bersatu, bersama tolong-menolong antara satu sama lain demi mencapai sesuatu objektif atau matlamat yang ditetapkan. Dari perspektif masyarakat Melayu, konsep ini telah diamalkan sejak beribu-ribu tahun yang lalu. Bahkan ia telah sebatian dan menjadi budaya masyarakat Melayu turun-menurun. Konsep kerjasama telah diterapkan dalam budaya orang Melayu terutamanya semasa mengadakan kenduri-kendara, gotong-royong, dalam bidang pertanian, dan sebagainya. Tidak keterlaluan jika dikatakan masyarakat Melayu telah mendominasi budaya bekerjasama ini sejak berabad-abad lamanya. Budaya ini telah digambarkan melalui pepatah Melayu yang berbunyi “yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul”. Keistimewaan yang ada pada konsep ini ialah mereka bekerjasama membantu di antara satu sama lain, tanpa

mengharapkan habuan dan wang ringgit, pangkat atau darjat, tetapi lebih kepada kepentingan dan kepuasan semua pihak. Justeru, walaupun kini zaman telah berubah, masyarakat Malaysia perlu menilai semula konsep kerjasama ini agar ia tidak ditelan zaman. Dalam konteks masyarakat majmuk pada hari ini, konsep kerjasama begitu kena dengan tempatnya. Kerjasama antara kaum yang dibina sebelum inilah yang membentuk Malaysia pada hari ini. Tidak ada kaum yang boleh mengatakan hanya mereka yang membangun dan memajukan negara ini. Semua kaum ada sumbangannya masing-masing.

**Melalui sejarah, ia akan membentuk sikap kerjasama antara masyarakat. Kerjasama penting untuk memastikan keamanan negara khususnya bagi sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya.**

Jadi, generasi masa kini perlu diingatkan bahawa pergolakan dan perbalahan antara kaum akan menyebabkan negara menjadi lemah dan tidak stabil dan faktor ini akan digunakan oleh musuh negara untuk campur tangan hal ehwal politik negara ini. Generasi yang celik sejarah akan dapat melihat bahawa kelemahan ini akan digunakan oleh pihak tertentu untuk menjajah negara ini semula kerana sejarah penjajahan di negara ini berlaku disebabkan setiap bangsa dan kaum negara ini yang tidak bersatu padu dan berpecah belah. Sejarah telah membuktikan sebelum kemerdekaan orang Melayu, Cina dan India hidup dalam kelompok mereka sendiri dan tidak bercampur di antara satu sama lain. Justeru, generasi baharu yang bakal menjadi pemimpin negara

perlu bijak menguruskan negara yang terdiri dari pelbagai kaum agar setiap bangsa memahami kedudukan dan peranan masing-masing. Pengetahuan mengenai sejarah negara perlu dipelajari dan diketahui oleh semua generasi Malaysia bagi membentuk generasi yang berminda kelas pertama, mencapai wawasan negara untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 serta meneruskan agenda pembangunan negara pada masa kini dan masa yang akan datang.

Negara Malaysia masih beruntung kerana kita masih memiliki pemimpin-pemimpin yang mempunyai latar belakang pendidikan sejarah yang kuat suatu masa dahulu, sebab itu kita dapat lihat walau pun ada anasir luar yang cuba menjatuhkan negara ini, kita masih mampu bertahan sehingga ke hari ini. Tetapi kita tidak dapat membayangkan apakah yang akan berlaku kepada negara kita untuk 50 tahun akan datang jika generasi Malaysia pada hari ini buta sejarah, dan tidak ada langsung pendidikan sejarah dalam dirinya atau dalam sekeping ijazahnya. Akhir sekali adalah satu keperluan pada hari ini pendidikan sejarah diperkasakan semula bermula di peringkat sekolah rendah sehinggalah ke peringkat universiti. Tidak kira sama ada kursus yang diambil itu adalah kursus kedoktoran, kejuruteraan, teknologi, sains dan sebagainya, mereka wajib mengambil subjek sejarah sebagai subjek penting dan mesti lulus.



*Penulis adalah Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang*





## Usahawan jurutera hargai ilmu dari UMP

Dengan bermodalkan wang sebanyak RM500, graduan jurusan Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri) telah berjaya menubuhkan dua buah syarikat yang telah menempatkan beliau di antara usahawan muda negara yang telah dipanggil oleh pihak PUNB dalam Taklimat Khas Program Siswazah untuk menjadi perintis dan berkongsi pengalaman dan kisah kejayaan beliau kepada bakal-bakal usahawan yang ingin menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Bidang kejuruteraan yang dipilih oleh Mohd Shahrel Hashim, ternyata merupakan pilihan yang tepat sekali apabila hasil daripada pembelajaran dan ilmu yang diperolehi di UMP telah memberi kelebihan kepada beliau untuk mengusahakan dua buah syarikat Percikan Permata Resources yang mempunyai kepakaran dalam bidang cenderahati dan hadiah, manakal satu lagi ialah Syarikat Kontraktor Elektrik Rich Energy Resources yang mempunyai kepakaran dalam bidang elektrik dan servis yang telah ditubuhkan pada tahun 2009.

Menurut beliau, ilmu kejuruteraan yang diperolehinya sewaktu menuntut di UMP amat bernilai sekali dan menjadi titik tolak kepada kejayaan yang dikecapi pada hari ini. Minat beliau untuk mendalami bidang kejuruteraan serta memajukan perniagaan sendiri, telah membuatkan beliau bertekad menyambung pelajaran di dalam Sijil Pendawai Elektrik (PW2) dan Sijil Penjaga Jentera (A0) setelah menamatkan pembelajarannya di UMP.

"Sewaktu memilih UMP saya amat tertarik dengan bidang kejuruteraan yang ditawarkan dan pernah bercita-cita untuk menjadi seorang jurutera kelak namun apabila menyedari skop pengajian yang ditawarkan di UMP amat mendalam dan terperinci mengenai dunia kejuruteraan, barulah saya memahami bahawa kerjaya di dalam bidang kejuruteraan ini sangat luas," ulas Mohd Shahrel yang turut aktif dalam Orkestra UMP semasa di kampus dulu.







## Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:  
**UNIT PENERBITAN & GRAFIK**  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 2501  
Faks : 09-549 3199  
e-Mel : [pro@ump.edu.my](mailto:pro@ump.edu.my)

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>